

**KAJIAN BERKAITAN POTENSI DAN CABARAN DALAM SEKTOR  
PELANCONGAN WARISAN TERHADAP MASJID SULTAN ABU BAKAR DI  
JOHOR BAHRU, JOHOR**

**NUR SYASYA NABILAH HANIM BINTI MAT ISA**

UNIVERSITI

MALAYSIA

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN  
DENGAN KEPUJIAN**

KELANTAN

**2023**



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**KAJIAN BERKAITAN POTENSI DAN CABARAN DALAM SEKTOR  
PELANCONGAN WARISAN TERHADAP MASJID SULTAN ABU BAKAR DI JOHOR  
BAHRU, JOHOR**

Oleh

**NUR SYASYA NABILAH HANIM BINTI MAT ISA**

**Laporan ini dihantar bagi memenuhi kehendak Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan  
dengan Kepujian**

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2023**

## PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

**TERBUKA**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

**SEKATAN**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

**SULIT**

Dari tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_

**TERHAD**

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)\*

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama :

*syasya*

Tandatangan Penyelia :

(NUR SYASYA NABILAH HANIM BINTI

( EN.SAHRUDIN BIN MOHAMED SOM)

MAT ISA)

Tarikh : 16/ 02/ 2023

Tarikh :

Nota\* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila keipilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

## PENGAKUAN

Projek bertajuk 'KAJIAN BERKAITAN POTENSI DAN CABARAN DALAM SEKTOR PELANCONGAN WARISAN TERHADAP MASJID SULTAN ABU BAKAR DI JOHOR BAHRU, JOHOR' telah disediakan oleh NUR SYASYA NABILAH HANIM BINTI MAT ISA dan telah diserahkan kepada Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan (FTKW) sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Keahlian (Konservasi Warisan).

Diterima untuk diperiksa oleh :

\_\_\_\_\_  
(ENCIK SAHRUDIN BIN MOHAMED SOM)

Tarikh :

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana di atas limpah kurnia-Nya saya dapat menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun terdapat beberapa halangan dan rintangan yang perlu ditempuhi. Alhamdulillah.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu Encik Sharudin Bin Som selaku penyelia saya di atas segala sokongan, kesabaran, tunjuk ajar, dan nasihat yang dicurahkan sangat membantu saya dalam menghasilkan penghasilan tesis ini. Ucapan terima kasih ini juga disertakan kepada Encik Muhammad Hisyamuddin Bin Hashim selaku pembantu hal ehwal islam di atas segala maklumat dan tunjuk ajar yang telah diberikan ini amat membantu saya dalam proses penghasilan tesis ini.

Seterusnya, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa yang saya hormati, Pn. Ruspaliza Binti Mohamad dan Encik Mat Isa Bin Mat Yusoff yang sentiasa memberikan sokongan kewangan, dorongan, doa, bantuan, dan juga kasih sayang sehingga saya berjaya menyiapkan tesis ini dengan jayanya. Ucapan terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan saya atas sokongan, doa, kesabaran, bantuan, dan juga toleransi, sehingga tesis ini dapat disempurnakan dengan jayanya.

Akhir sekali, tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan serta bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna kepada tatapan generasi yang akan datang.

## ABSTRAK

Bangunan bersejarah juga termasuklah bangunan masjid lama yang terbina sejak awal pembinaan pada abad ke-16. Masjid ini berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud tempat bersujud. Bangunan masjid ini merupakan masjid utama negeri Johor yang telah dibina pada antara tahun 1892 dan 1900. Sultan Ibrahim ibni Sultan Abu Bakar telah merasmikan bangunan masjid ini pada tahun 1900 dan menelan perbelanjaan sebanyak lebih 400,000 dolar. Uniknyanya reka bentuk keseluruhan masjid ini dipengaruhi oleh reka bentuk bangunan pada zaman kolonial yang juga bercampur dengan reka bentuk tempatan. Antara masalah yang terdapat pada kajian ni adalah terdapat percanggahan yang berlaku di antara pelancongan dan juga pemeliharaan. Selain itu, kajian terhadap Masjid Sultan Abu Bakar ini tidak khusus kepada isu dan cabaran berkaitan dengan pelancongan warisan. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti nilai warisan yang terdapat di Masjid Sultan Abu Bakar di Johor Bahru, menganalisis potensi yang terdapat di Masjid Sultan Abu Bakar dalam sektor pelancongan warisan, dan menyiasat isu dan cabaran di dalam menjadikan Masjid Sultan Abu Bakar di Johor Bahru dalam sektor pelancongan warisan. Metodologi kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah tertumpu kepada kaedah kuantitatif dan kualitatif. Segala data atau maklumat yang berkaitan dengan kajian pengkaji akan dikumpulkan bagi memenuhi objektif yang dinyatakan. Penggunaan kedua-dua data ini dapat memantapkan lagi kajian yang dijalankan kerana perolehan data tersebut akan lebih tepat dan jelas. Kajian penyelidikan ini iaitu kajian berkaitan potensi dan cabaran dalam sektor pelancongan warisan terhadap Masjid Sultan Abu Bakar di Johor Bahru, Johor ini akan dapat memberikan pengetahuan yang mendalam kepada masyarakat setempat bahawa masjid ini merupakan antara aset warisan yang amat penting.

## ABSTRACT

Historic buildings also include the old mosque building which was built from the beginning of construction in the 16th century. This mosque is derived from Arabic which means the place of prostration. The mosque building is the main mosque of the state of Johor which was built between 1892 and 1900. Sultan Ibrahim ibni Sultan Abu Bakar officiated the mosque building in 1900 and cost more than 400,000 ringgit. The overall design of the mosque was influenced by the design of the colonial building which also mixed with the local design. Among the problems in this study is that there is a discrepancy between tourism and preservation. In addition, the study on the Sultan Abu Bakar Mosque is not specific. The objective of this study is to identify the heritage value found at the Sultan Abu Bakar Mosque in Johor Bahru, analyze the potential found in the Sultan Abu Bakar Mosque in the heritage tourism sector, and investigating issues and challenges in making the Sultan Abu Bakar Mosque in Johor Bahru in the heritage tourism sector. The methodology of the study used in this research is focused on quantitative and qualitative methods. All data or information related to the researcher's studies will be collected to meet the stated objectives. The use of these two data will further strengthen the studies as the data will be more accurate and clear. This research study, which is a study on the potential and challenges in the heritage tourism sector towards of the Sultan Abu Bakar Mosque in Johor Bahru, Johor will be able to provide in-depth knowledge to the local community that this mosque is one of the most important heritage assets.

## ISI KANDUNGAN

## MUKA SURAT

<b>PENGHARGAAN</b>	<b>I</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>II</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>III</b>
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang kajian	3
1.2 Permasalahan Kajian	4
1.3 Persoalan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Kepentingan Kajian	8
1.6 Skop Kajian	10
1.7 Lokasi Kajian	12
1.8 Penutup	13
<b>BAB 2: SOROTAN KAJIAN</b>	
2.0 Pengenalan	14
2.1 Tapak Warisan	15
2.2 Bangunan Warisan	16
2.3 Masjid Warisan Di Malaysia	17
2.4 Masjid Warisan Di Johor	19
2.5 Pelancongan	20
2.6 Pelancongan Warisan	22



2.6.1 Pelancongan Bangunan	23
2.6.2 Pelancongan Masjid	24
2.7 Penutup	25
<b>BAB 3: METODOLOGI</b>	
3.0 Pengenalan	26
3.1 Rekabentuk Kajian	27
3.2 Pendekatan Kajian	29
3.3 Kaedah Kajian	30
3.4 Pensempelan	34
3.5 Instrumen Kajian	34
3.6 Analisis Data	35
3.7 Penutup	36
<b>BAB 4: DAPATAN KAJIAN</b>	
4.0 Pengenalan	37
4.1 Dapatan Responden	38
4.2 Nilai Warisan Masjid Sultan Abu Bakar di Johor Bahru	40
4.2.1 Nilai Warisan Seni Bina	41
4.2.2 Nilai Warisan Sejarah	46
4.3 Potensi Masjid Sultan Abu Bakar Dalam Sektor Pelancongan Warisan	50
4.4 Isu Dan Cabaran Masjid Sultan Abu Bakar Dalam Sektor Pelancongan Warisan	63

4.4.1 Analisis tahap pengetahuan masyarakat berkaitan dengan Masjid Sultan Abu Bakar dalam sektor pelancongan warisan.	
4.4.1.1 Demografi responden	64
4.4.1.2 Pengetahuan mengenai Masjid Sultan Abu Bakar, Johor Bahru	67
4.4.1.3 Pandangan berkenaan isu dan cabaran Masjid Sultan Abu Bakar dalam sektor pelancongan warisan	71
<b>BAB 5: PERBINCANGAN, CADANGAN, DAN KESIMPULAN</b>	
5.0 Pengenalan	80
5.1 Perbincangan Dapatan Kajian	81
5.2 Cadangan Dapatan Kajian	
5.2.1 Menyediakan pakej pelancongan masjid terhadap pelawat dan pelancong	84
5.2.2 Menyediakan pakaian khas bagi pelancong yang bukan beragama islam	85
5.2.3 Memperluaskan pengetahuan sektor pelancongan warisan kepada generasi muda.	85
5.3 Penutup	86
<b>RUJUKAN</b>	87
<b>LAMPIRAN</b>	91

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.0 PENGENALAN

Menurut Jabatan Warisan Negara (2009), bangunan atau kumpulan bangunan yang berasingan atau bersambungan yang disebabkan seni binanya, kemegahannya atau tempatnya dalam landskap yang mempunyai nilai yang seagat dari pandangan seni, sejarah, dan juga sains merupakan bangunan bersejarah. Malaysia amat terkenal dengan keunikan seni bina bangunan bersejarah yang pada masa kini telah dijadikan sebagai sejarah warisan negara. Ia memberikan peranan yang penting terhadap sesuatu negara kerana warisan sejarah ini telah menjadi bukti kedatangan penjajahan dari negara Barat dan Jepun yang telah meninggalkan tapak bersejarah di Malaysia sehingga kini. Kebanyakan bangunan bersejarah yang terdapat di negara ini telah berusia lebih daripada 100 tahun tetapi bangunan tersebut masih lagi kukuh dan bertahan di tempatnya walaupun terdapat segelintir bangunan yang telah kehilangan seni bina asalnya. Oleh itu, keunikan seni bina yang terdapat pada bangunan warisan ini perlu dipelihara sepenuhnya supaya bangunan tersebut dapat memberikan impak yang positif kepada masyarakat dan juga negara.

Bangunan bersejarah juga termasuklah bangunan masjid lama yang terbina sejak awal pembinaan pada abad ke-16. Masjid ini berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud tempat bersujud. Ianya diambil daripada perkataan sajada yang membawa maksud meletakkan dahi ke bumi (Ibnu Manzur, 1993). Di Malaysia, masjid menjadi tunjang utama sebagai agama rasmi iaitu agama islam yang majoritinya dianuti oleh penduduk di Malaysia. Masjid berfungsi sebagai rumah ibadat untuk penganutnya mengabadikan diri kepada Allah S.W.T.

kegunaan masjid juga bukan sahaja digunakan sebagai rumah ibadat tetapi ia juga digunakan sebagai tempat aktiviti sosial masyarakat, perkembangan kebudayaan, pusat pendidikan, kegiatan politik, dan juga komunikasi sesama masyarakat.

Menurut Mohamad Zaki Ahmad, et al, sejak 1950 an lagi, pelancongan dalam sektor pemasara telah banyak mengalami beberapa perubahan yang memberangsangkan yang disebabkan oleh faktor peningkatan sosioekonomi masyarakat dunia contohnya seperti di negara yang membangun. Setiap tahun juga, sebanyak berbilion-bilion dolar dan ringgit telah dikeluarkan oleh para pelancong dalam industri ini yang telah menyebabkan ianya menjadi antara industri terbesar di dunia. Pelancongan juga dapat diistilahkan sebagai aktiviti dalam mengembara ke sesuatu tempat yang dekat mahupun jauh untuk tujuan mengisi masa lapang. Menurut Jafari (1977), manusia yang bertindak balas atas keperluan mereka serta terdapat juga kesan ke atas diri mereka dalam penglibatan industri daripada sudut sosiobudaya, ekonomi, dan juga persekitaran ini merujuk kepada pelancongan.

## 1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji telah memilih negeri Johor. Negeri Johor yang terletak pada bahagian selatan ini merupakan negeri ketiga yang terbesar di semenanjung Malaysia. Sememangnya, Negeri Johor mempunyai pelbagai tempat sejarah dan juga kesenian yang dapat menonjolkan identiti negeri ini. Antara tempat yang menjadi tarikan di Johor adalah Istana Bukit Serene, Muzium Kota Tinggi, Makam Laksamana Bentan, Bangunan Sultan Ibrahim dan lain-lain lagi.

Masjid Sultan Abu Bakar ini merupakan masjid yang berada di kedudukan yang strategik kerana ianya berada di kawasan tengah bandaraya Johor Bahru yang terletak pada bukit tepi Selat Teberau yang menghala ke Singapura. Bangunan masjid ini merupakan masjid utama negeri Johor yang telah dibina pada antara tahun 1892 dan 1900. Sultan Ibrahim ibni Sultan Abu Bakar telah merasmikan bangunan masjid ini pada tahun 1900 dan menelan perbelanjaan sebanyak lebih 400,000 dolar. Uniknyanya reka bentuk keseluruhan masjid ini dipengaruhi oleh reka bentuk bangunan pada zaman kolonial yang juga bercampur dengan reka bentuk tempatan. Contohnya, pada bahagian dinding masjid dihiasi dengan plaster keemasan yang berukir yang turut digunakan pada bahagian pintu serta tingkap bangunan masjid tersebut. Konsep yang digunakan pada permukaan bumbung pula adalah bercirikan seni bina Moghul serta tradisional iaitu berbumbung limas. Manakala pada bahagian lantai pula, ia dihiasi dengan panel marmar yang diimport daripada Itali dan kaca kubah yang digunakan bagi menutupi bumbung bangunan tersebut juga telah diimport daripada Venice.

Kajian ini dijalankan bagi mengharapkan pengkaji dapat menghuraikan nilai warisan, potensi, serta cabaran yang terdapat pada Masjid Sultan Abu Bakar ini. Hal ini bertujuan untuk menyedarkan masyarakat tentang nilai sejarah warisan yang terdapat di Negeri Johor ini.

## 1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah mengenalpasti beberapa permasalahan kajian yang terdapat pada kajian pengkaji mengenai isu dan masalah yang hendak dikaji dalam penyelidikan ini. Segala masalah yang terdapat pada kajian pengkaji akan disenaraikan dengan lebih terperinci serta mendalam supaya masalah ini dapat diatasi dengan penyelidikan yang dijalankan. Permasalahan kajian yang didapati ini adalah daripada pemerhatian kajian serta pembacaan kajian lepas daripada artikel, jurnal, buku, dan juga daripada temubual daripada pihak yang berkenaan. Ia juga turut diperolehi daripada penelitian berkaitan objektif yang dicapai.

Antara masalah yang terdapat pada kajian ni adalah terdapat percanggahan yang berlaku di antara pelancongan dan juga pemeliharaan. Hal ini kerana jika berlakunya pelancongan yang berlebihan ke atas bangunan warisan tersebut, ia berkemungkinan akan menjejaskan pemeliharaan dan juga nilai warisan tempat tersebut terutamanya jika ia berkaitan dengan keagamaan, adat istiadat dan sebagainya apabila pelancong datang. Nilai warisan sesebuah negara semakin terancam bukan disebabkan oleh kemusnahan dan juga kerosakan secara tradisional, tetapi ia disebabkan perubahan daripada keadaan ekonomi dan sosial yang telah dinyatakan oleh Persidangan Warisan Dunia UNESCO (1972). Menurut Mohamad Zaki Ahmad et. al, (2014) impak pelancongan sama ada positif mahupun negatif ini bergantung kepada ciri-ciri berkaitan jenis dan sejauh mana pelancongan telah dimajukan yang dibincangkan dari sudut ekonomi, sosiobudaya, dan persekitaran.

Selain itu, kajian terhadap Masjid Sultan Abu Bakar ini tidak khusus kepada isu dan cabaran berkaitan dengan pelancongan warisan. Hal ini kerana kajian terhadap masjid di Johor terutamanya Masjid Sultan Abu Bakar kurang dijalankan oleh pengkaji terdahulu. Menurut Siti Nor Rasyidah Zolkepli dan Aeyani Ahmad Latiffi (2021), penyelenggaran

masjid lama seperti Masjid Sultan Abu Bakar dan Masjid Sultan Ibrahim di Muar, Johor ini dilakukan penyelenggaraan bagi melihat corak pengurusan dan prosedur yang dijalankan supaya dapat menarik minat golongan terlibat dalam mengambil tahu kerja penyelenggaraan bagi masjid lama yang terdapat di Malaysia.

Maka, melalui kajian ini, pengkaji ingin membuktikan keunikan dan nilai warisan seni bina yang terdapat pada Masjid Sultan Abu Bakar ini supaya dapat memberikan gambaran yang positif kepada masyarakat untuk dijadikan sebagai salah satu pusat tarikan pelancongan yang menarik di Johor Bahru.



### 1.3 PERSOALAN KAJIAN

Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji persoalan tersebut, iaitu:

- i. Apakah nilai warisan yang terdapat di Masjid Sultan Abu Bakar di Johor Bahru?
- ii. Apakah potensi yang terdapat di Masjid Sultan Abu Bakar dalam sektor pelancongan warisan?
- iii. Apakah isu dan cabaran di dalam menjadikan Masjid Sultan Abu Bakar di Johor Bahru dalam sektor pelancongan warisan?



#### 1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk membuat kajian tentang bangunan masjid Sultan Abu Bakar di Johor Bahru dan pengkaji telah menyenaraikan beberapa objektif yang disasarkan iaitu:

- i. Mengenalpasti nilai warisan yang terdapat di Masjid Sultan Abu Bakar di Johor Bahru
- ii. Menganalisis potensi yang terdapat di Masjid Sultan Abu Bakar dalam sektor pelancongan warisan
- iii. Menyiasat isu dan cabaran di dalam menjadikan Masjid Sultan Abu Bakar di Johor Bahru dalam sektor pelancongan warisan.

## 1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Dalam kajian yang dilakukan ini, pengkaji berharap kajian ini dapat memberikan pengetahuan yang baru ataupun gambaran yang lebih mendalam kepada semua pembaca. Hal ini kerana ia menjadi salah satu kepentingan yang dilakukan dalam kajian pengkaji untuk menyumbang kepada permasalahan kajian yang dikaji ini. Pengkaji juga berharap kajian ini dapat memberikan pandangan yang positif terhadap masyarakat dalam mengekalkan dan memajukan bangunan warisan yang terdapat di negara ini. Seterusnya, pengkaji juga berharap supaya kajian ini dapat memberikan sedikit sebanyak kefahaman serta manfaat kepada masyarakat di negeri Johor serta di Malaysia. Terdapat beberapa kepentingan kajian yang ingin dicapai oleh penyelidik iaitu:

### 1.5.1 Individu

Kajian ini dilakukan adalah dengan harapan untuk mengetahui pemuliharaan yang dijalankan ke atas Masjid Sultan Abu Bakar yang jarang diketahui dan dirungkai oleh masyarakat setempat serta seluruh Johor. Hal ini supaya kajian ini dapat memberi pengetahuan yang berguna kepada masyarakat dan juga penyelidik akan datang yang ingin membuat kajian berkaitan bangunan Masjid Sultan Abu Bakar ini. Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat memudahkan pengkaji yang akan datang untuk meneruskan kajian ini yang bersifat lebih terperinci dan mendalam berkaitan Masjid Sultan Abu Bakar ini. Dalam pada itu, penyelidik akan datang juga diharapkan dapat menyambung kajian pengkaji yang berada dalam skop yang sama dan berlandaskan maklumat yang sahih. Ia juga dapat memudahkan pihak berkuasa dalam melakukan penambahbaikan tambahan jika terdapat kekurangan yang perlu ditambah baik dan juga lokasi pelancongan yang strategik. Hal ini supaya bangunan Masjid Sultan Abu Bakar ini tidak hanya menjadi

tempat persinggahan kepada masyarakat, tetapi ia dapat memberi imej yang positif dan terkenal dengan kemegahan bangunannya yang terpelihara.

### 1.5.2 Masyarakat

Dari segi masyarakat, kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran yang jelas dan tepat kepada golongan masyarakat terhadap nilai warisan yang terdapat di Masjid Sultan Abu Bakar. Hal ini supaya masyarakat dapat mengetahui dengan lebih mendalam tentang keunikan nilai warisan yang menjadi kemegahan bangunan ini. Selain itu, penyelidik juga berharap kajian ini dapat membuka mata masyarakat berkenaan keistimewaan masjid ini apabila kajian ini telah dilengkapi oleh pengkaji. Kajian ini juga diharapkan dapat dipulihara dan dipelihara dengan baik oleh masyarakat supaya bangunan masjid ini dapat dikekalkan dalam jangka masa yang lama dan memberi nilai warisan yang penting kepada negara.

### 1.5.3 Pihak berkuasa

Kajian ini juga dijalankan supaya dapat memberikan maklumat tambahan dan juga manfaat kepada pihak berkuasa tempatan. Ia juga dapat menjadi panduan kepada pihak berkuasa dalam mengetahui kelemahan dan kekurangan yang terdapat pada Masjid Sultan Abu Bakar ini. Masjid ini telah mengalami beberapa kali penambahbaikan sehingga terpaksa ditutup dalam jangka masa yang lama. Oleh yang demikian, dengan adanya penyelidikan ini, ia dapat membuka mata pihak berkuasa tempatan dalam mengambil langkah yang efektif semasa kerja penambahbaikan dijalankan. Hal ini supaya masyarakat tidak terganggu dengan penutupan masjid dalam tempoh masa yang lama. Hal ini secara tidak langsung akan menjejaskan pelancongan terhadap tempat tersebut yang mempunyai nilai warisan sedia ada.

## 1.6 SKOP KAJIAN

Pengkaji memfokuskan kajian Masjid Sultan Abu Bakar yang terletak pada pinggir Selat Tebrau, Johor Bahru, Johor. Masjid Sultan Abu Bakar di Johor Bahru ini berfungsi sebagai tempat persinggahan masyarakat kerana bangunan masjid ini merupakan antara bangunan yang sentiasa digunapakai oleh umat islam dalam mengerjakan solat, ceramah, mengadakan kelas agama, serta menyatupadukan masyarakat. Kajian ini dijalankan untuk mengetahui dengan lebih terperinci berkaitan nilai warisan yang terdapat pada bangunan masjid tersebut. Dalam bab ini, pengkaji akan menerangkan tentang nilai warisan yang terdapat pada bangunan Masjid Sultan Abu Bakar. Hal ini kerana masjid ini mempunyai banyak keistimewaan nilai warisan yang masih belum dirungkai oleh masyarakat. Pengkaji juga akan melibatkan masyarakat setempat serta pegawai yang bertugas dalam menjaga masjid tersebut supaya maklumat yang diperoleh sah dan tepat.


Selain itu, kajian ini juga akan menerangkan isu dan cabaran berkaitan pelancongan yang berlaku ke atas masjid Sultan Abu Bakar yang terletak di Johor Bahru. Hal ini supaya pengkaji dapat mengetahui apakah masalah yang berlaku ke atas bangunan Masjid Sultan Abu Bakar supaya seni bina dan nilai warisannya dapat dikekalkan sehingga kini. Hal ini terbukti terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh bangunan masjid ini yang memberi impak negatif terhadap sektor pelancongan. Untuk memantapkan lagi kajian ini, pengkaji juga akan membincangkan potensi yang terdapat di Masjid Sultan Abu Bakar dalam sektor pelancongan warisan. Kesan daripada kajian ini dilakukan untuk melihat apakah potensi yang dilakukan oleh pihak atasan dalam menyelesaikan cabaran yang terdapat pada Masjid Sultan Abu Bakar dari sudut positif mahupun negatif. Hal ini berikutan pengkaji ingin mengetahui kajian ini dengan lebih teliti serta terperinci bagi melengkapkan objektif kajian yang dikaji yang telah dinyatakan ini.

Kesimpulannya, walaupun bangunan masjid ini masih lagi berada dalam keadaan yang elok dan terjaga, pengkaji ingin melengkapkan kajian yang dijalankan ini supaya dapat menarik minat masyarakat untuk melihat keunikan nilai warisan yang terdapat pada bangunan Masjid Sultan Abu Bakar ini. Hal ini secara tidak langsung dapat membantu pihak berkuasa dalam menambah baik kekurangan yang terdapat pada masjid tersebut yang seterusnya dapat menjadikannya sebagai salah satu tarikan pelancongan yang maju.



## 1.7 LOKASI KAJIAN

Pengkaji menjalankan kajian di lokasi yang strategik iaitu di Johor Bahru, Johor. Tempat kajian ini dipilih kerana ia berdekatan dengan tempat tinggal pengkaji yang berasal daripada negeri Johor dan jarak antara rumah pengkaji hanya 30 minit sahaja. Kajian yang dijalankan ini lebih tertumpu di Masjid Sultan Abu Bakar di Johor Bahru, Johor. Masjid ini masih digunakan oleh masyarakat sebagai tempat menunaikan solat fardhu, ceramah, mengadakan kelas agama, serta menyatupadukan masyarakat. Dalam bab ini, pengkaji akan menerangkan tentang lokasi kajian dengan lebih terperinci.



Rajah 1.1 : Lokasi kajian

Sumber : Google Maps



Rajah 1.2 : Masjid Sultan Abu Bakar, Johor Bahru

Sumber: diperoleh daripada laman sesawang

## 1.8 PENUTUP

Secara keseluruhannya, pada kajian bab 1 ini, pengkaji telah mengemukakan aspek-aspek yang ingin dikaji oleh secara ringkas dan padat supaya dapat menyampaikan maklumat dengan jelas. Pengkaji juga telah memilih sendiri serta menetapkan objektif kajian yang dijalankan melalui metodologi kajian yang dipilih. Objektif kajian yang ingin dicapai dalam menjalankan kajian ini juga adalah menerusi permasalahan serta isu yang timbul dan juga kepentingan hasil kajian yang dijalankan. Hal ini supaya pengkaji dapat menyelesaikan segala kajian tersebut dengan lebih teratur dan berfokus kepada kajian yang ingin dijalankan. Kajian ini juga dijalankan bagi mendapatkan jawapan tentang mengapa bangunan warisan ini perlu dipelihara dengan baik. Secara tidak langsung, ia akan dapat menyedarkan masyarakat tentang kelebihan yang terdapat pada bangunan warisan ini. Oleh itu, warisan yang terdapat dalam negara ini akan dapat dilihat serta dihayati oleh generasi pada masa akan datang.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.0 PENGENALAN

Dalam melengkapkan lagi kajian yang dilakukan, pengkaji telah membuat rujukan dan mendapatkan beberapa bahan penulisan terdahulu yang mempunyai kaitan dengan aspek kajian pengkaji. Hal ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat tambahan berkaitan dengan fokus kajian yang dilakukan dalam potensi serta cabaran dalam sektor bangunan warisan. Berdasarkan tajuk kajian, pengkaji telah meneliti terdapat beberapa topik penulisan yang dapat dijadikan sebagai bahan rujukan. Hasil penulisan ini dilihat mampu dijadikan sebagai maklumat sokongan dan tambahan kepada pengkaji.

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa rujukan kajian lepas daripada pengkaji-pengkaji yang lain untuk dijadikan sebagai panduan untuk membezakan kajian pengkaji dengan pengkaji yang lain. Kajian penulisan dahulu ini juga dapat membantu pengkaji memantapkan lagi kajian penyelidikan ini.



## 2.1 TAPAK WARISAN

Menurut Naoko Sugiura dan Mohd Bin Samsudin (2019), peninggalan identiti yang tersendiri mengikut budaya negara tertentu ini dikategorikan sebagai salah satu bentuk warisan. Hal ini kerana daya usaha terhadap sesebuah negara dalam memulihara setiap warisan yang terdapat di setiap negara itu amat kukuh. Menurut kandungan yang terdapat di Malaysia, kesedaran untuk memelihara serta memulihara warisan ini tidak hanya selama mengikut usia sesuatu warisan tersebut kerana gerakan dalam membentuk usaha tersebut telah wujud sejak tahun 1957 sekitar pada 62 tahun dahulu. Di Malaysia, UNESCO memberikan pengiktirafan kepada terdapat empat Tapak Warisan Dunia (TWD) iaitu Taman Negara Kinabalu yang telah diwartakan sebagai Taman Negara pada tahun 1964 kerana terdapat spesies tumbuhan seperti berbunga, paku-pakis dan orkid. Selain itu, Puncak Pinnacles di Taman Negara Mulu juga turut diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia. Melaka dan George Town pada 7 Julai 2008 ini telah diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia (TWD) dalam bahagian budaya yang telah dijalankan pada Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu. Lembah Lenggong telah diiktiraf pada tahun 2012 sebagai Tapak Warisan Dunia oleh kerana terdapat penemuan rangka Perak Man pada tahun 2001 serta Perak Women pada tahun 2004 (Solihah Mustafa, et, al. 2015). Menurut Jabatan Warisan Negara (2013) pada Jurnal Warisan, terdapat beberapa bangunan bersejarah dan 52 buah monumen seperti bangunan kolonial, runtuh kota atau kubu, kuil, penjara istana, masjid dan gereja yang telah diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan. Di bawah kategori warisan, terdapat 34 tapak monumen dan bangunan bersejarah yang telah diwartakan, manakala mengikut kategori warisan kebangsaan, sebanyak 18 buah tapak bangunan bersejarah yang diwartakan bermula dari tahun 2011 hingga 2015 menurut 50 Warisan Kebangsaan, Jabatan Warisan Negara.

## 2.2 BANGUNAN WARISAN

Menurut Nik, S. & Noria, T, (2021) melalui artikel transformasi bangunan warisan sejarah: suatu tinjauan menyeluruh menyatakan bahawa di Malaysia, bangunan warisan bersejarah yang pelbagai jenis ini merujuk kepada kajian inventori ke atas bangunan warisan pada tahun 1992 yang dilakukan oleh muzium negara dan dianggarkan terdapat lebih daripada 35,000 buah monumen atau bangunan pada 265 buah bandar sebelum berlaku perang. Kumpulan bangunan yang dipisahkan atau bersambung dengan seni binanya ini turut mempunyai nilai keseluruhan yang dapat ditunjukkan dari segi sejarah, seni atau sains. Sekiranya bangunan itu telah bertahan sehingga usia 100 tahun penggunaanya, ia sewajarnya diiktiraf dan dikategorikan sebagai monumen atau bangunan bersejarah dikatakan oleh Fielden pada tahun 1994.

Terdapat beberapa langkah serta proses yang perlu difokuskan dalam mentransformasikan bangunan warisan yang bersejarah. Hal ini kerana terdapat beberapa bangunan yang tidak perlu ditukar secara keseluruhan dan sebaliknya (Yusuf, et al, 2011). Menurut Akta Benda Purba (1976), ia memberikan definisi berkaitan warisan iaitu mana-mana tapak warisan, objek warisan, warisan kebudayaan bawah air atau mana-mana orang hidup dikategorikan sebagai warisan kebangsaan. Bangunan yang berada dalam satu bangunan atau kumpulan yang berlainan atau bersambung yang disebabkan oleh tempat dalam landskap, seni bina, seni dan sains, dan mempunyai nilai sejagat yang diketengahkan melalui sudut sejarah ( Akta Warisan Kebangsaan 2005). Contohnya, Bandar Melaka, George Town, Taiping, Kuala Lumpur dan bangunan warisan yang lain telah diberi rupa baru setelah dilakukan penambahbaikan untuk menarik kedatangan pelancong. Hal ini kerana pihak swasta serta kerajaan mengambil perhatian yang serius terhadap bangunan warisan setelah mengetahui terdapat beberapa potensi dan kepentingan bangunan warisan (A. Ghafar, A, 2004).

## 2.3 MASJID WARISAN DI MALAYSIA

Menurut M. Rasmawi. & M. Hilmi (2021), tradisional dan kedaerahan merupakan dua jenis masjid lama yang dikategorikan dan ia dapat dibezakan dengan bentuk bumbungnya serta pengaruh di bawahnya. Seni bina, corak hidup dan persekitaran rumah dapat mempunyai pengaruh yang kuat terhadap masjid tradisional yang bumbungnya berbentuk panjang berlebar layar. Menurut N. Najwa. & Daeng, H (2021), selepas kemerdekaan, gaya seni bina masjid di Malaysia telah mengalami beberapa perubahan. Terdapat fahaman baru berkaitan seni bina ke bandar utama di Malaysia yang dibawa oleh graduan arkitek pengajian di luar negara yang sebelumnya melaksanakan pendekatan reka bentuk kolonial. Pada Akta 645, Bahagian I, “warisan” bermaksud perkara yang bernilai akan dapat diturunkan dari generasi ke generasi yang seterusnya. Ia termasuklah adat resam, kebudayaan, kawasan, bangunan, bahan arkib dan cetakan penulisan buku dan makalah. Seni bina dan keseragaman masjid lama yang bernilai dan memaparkan nilai sejagat yang tinggi dari sudut seni sejarah terutama berkaitan dengan Tamadun Islam yang dikatakan oleh Akta Warisan Kebangsaan (2005).

Seni bina masjid telah melalui pelbagai peristiwa dan perubahan latar belakang yang berbeza, sehingga pada setiap abad terbentuknya corak dan bentuk bangunan masjid yang berlainan. Kewujudan masjid adalah salah satu dari segi fungsi bangunan dalam elemen seni bina Islam. Perkembangan seni bina seperti bentuk bumbung sebagai penutup ruang dalaman yang terdiri daripada bentuk bumbung dasar dan bentuk bumbung melengkung, atau juga dikenali sebagai kubah. Perbezaan corak seni bina adalah selaras dengan perubahan zaman serta kehendak budaya tempatan, di mana bentuk bumbung berubah kepada bentuk segi tiga dan piramid. Bentuk bumbung masjid tradisional Semenanjung mempunyai bumbung tiga lapis, bumbung dua lapis, masjid bumbung panjang, dan bumbung empat lapis. Sebuah

masjid tradisional semenanjung di Malaysia berkonsepkan masjid bertiang seri dan macu (Azizul 2015)

Menurut Wahad, Hamid & Norajila, C. M (2016) masjid adalah tempat untuk sentiasa mengingati Allah SWT dan menyuburkan jiwa insan dalam apa jua situasi iaitu ibadat umum mahupun khusus. Menurut Azizul (2015), ruangan dalam masjid seperti ruang solat, pintu masuk, ruang berwuduk, mihrab dan komponen ruang secara keseluruhan amat penting bagi masjid tradisional yang terdapat di Malaysia ini. Pelbagai peristiwa dan juga latar belakang yang berbeza telah dialami oleh masjid sehingga tercetusnya pelbagai bentuk dan corak bangunan masjid yang pelbagai pada setiap kurun. Di Semenanjung, masjid tradisional memiliki reka bentuk bumbung yang berlapis tiga, berlapis dua, serta bumbung yang panjang dan berlapis empat. Konsep masjid tradisional di semenanjung Malaysia ini mempunyai konsep masjid bertiang seri dan tiang macu.

## 2.4 MASJID WARISAN DI JOHOR

Menurut Mohd Taufik Dato' Haji Shamsudin (2021), bilangan masjid yang terdapat di negeri Johor adalah sebanyak 822 buah merupakan antara statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM. Dalam seluruh semenanjung Malaysia, Johor telah menduduki tempat pertama selepas kedudukan masjid yang pertama di Sabah telah dinyatakan oleh Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2015). Menurut Mohammad Haziq Mohd Isnini dan Abdul Hafiz Abdullahii (2021), terdapat beberapa masjid institusi yang merupakan antara masjid yang di kawal selia oleh setiap institusi pengajian yang ada di negeri Johor. Contohnya seperti Masjid Universiti Teknologi Malaysia UTM, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia UTHM, Universiti Teknologi Mara Malaysia UITM dan Institut Kemahiran Belia Negara IKBN. Sistem pentadbiran dan prasarana yang terdapat dalam masjid ini dipertanggungjawabkan oleh institusi pengajian melalui pusat Islam.

Terdapat dua kategori masjid yang terdapat di Johor iaitu masjid kerajaan dan masjid kariah. Masjid kerajaan ini dianggap sebagai masjid utama yang terdapat di setiap daerah negeri Johor kerana masjid ini terletak di tengah-tengah pusat bandar kerana ia memiliki prasarana yang lengkap meliputi sudut pentadbiran dan pembangunan. Manakala masjid kariah atau dikenali sebagai masjid mukim biasanya terletak di perkampungan atau mukim di sesuatu kawasan yang mempunyai penduduk tetap. Saiz masjid ini adalah berdasarkan kepada populasi penduduk Islam setempat yang membolehkan ia menjalankan ibadah solat Jumaat dan tempat melakukan aktiviti sosial yang berbentuk kemasyarakatan (Abdul Hafiz Abdullah, & Mohammad Haziq Mohd Isnin, 2020).

## 2.5 PELANCONGAN

Pelancongan dapat dibahagikan kepada lima jenis kategori iaitu pelancongan etnik, pelancongan budaya, pelancongan sejarah, pelancongan environmental, dan pelancongan rekreasi. Pelancongan ini dapat menjadikan unsur sesuatu budaya sebagai daya tarikan yang utama termasuklah cara hidup, persembahan, budaya-tani, warisan budaya, makanan dan minuman, seni bina, barangan perusahaan dan kraftangan, ciri-ciri layan tamu dan segala unsur yang menunjukkan cara hidup masyarakat di sesuatu tempat itu menurut Smith (1979: 2-3) pada buku yang bertajuk Pelancongan-budaya: konsep dan profil di Malaysia oleh Mohamed Anwar Omar Din. Menurut Hausman (2001), pelancongan berupaya dikembangkan dari aspek fizikal, sosial, budaya, ekonomi, politik dan teknologi yang dapat memberikan pulangan ekonomi kepada negara dan ianya merupakan adalah satu industri terpenting di negara serta dunia. Goeldner et.al (2006), berdasarkan rekod World Tourism Organization (WTO), sektor ekonomi global dalam pelancongan telah menjadi aset terpenting sejak pertengahan 1990an. Antara negara terawal yang menerima keuntungan terbesar dalam sektor pelancongan adalah Portugal, Tunisia, Brazil dan Sepanyol.

Sektor pelancongan turut dapat memberikan peluang pekerjaan yang tertinggi di dunia selain dapat memberikan pendapatan yang banyak kepada negara. Pada tahun 2005, penyumbang ketiga negara yang terpenting adalah pelancongan dan ia telah diiktiraf sebagai institusi yang mendapat pendapatan yang besar kepada negara oleh kerajaan (Adi Amiruddin, 2019).

Kerajaan telah membuat peruntukan bagi memperkuat industri pelancongan di negara ini dengan hasil peruntukan yang diluluskan dalam rancangan pembangunan lima tahun negara sering meningkat mengikut semasa. Contohnya, Rancangan Malaysia ketiga, (1976-1980) telah diluluskan RM27.19 juta, meningkat kepada RM40 juta dalam Rancangan

Malaysia keempat (1981-1985) dan terus meningkat kepada RM780 juta dalam Rancangan Malaysia kelapan seterusnya kepada RM1847.9 juta dalam Rancangan Malaysia ke Sembilan (2006-2010) (Wan Suzita et. al, 2015).

Jadual 1. Pendapatan sektor pelancongan 1980an, 1990an, 2000 dan 2014			Jadual 2. Kedudukan Malaysia dalam pelancongan antarabangsa						
Tahun	Pelancong (org)	Hasil Pendapatan (RM)	Bil.	Tahap	Juta Orang		Pertukaran (%)		
					Siri	2009	2010	09/08	10*/09
1974	1.2 Juta	353.9 Juta	1	France	TF	76.8	76.8	-3.0	0.0
1980	2.2 Juta	618.9 Juta	2	United States	TF	55.0	59.7	-5.1	8.7
1990	4.3 Juta	2,575.1 Juta	3	China	TF	50.9	55.7	-4.1	9.4
2000	10.2 Juta	17.3 billion	4	Spain	TF	52.2	52.7	-8.8	1.0
2010	24.6 Juta	56.5 billion	5	Italy	TF	43.2	43.6	1.2	0.9
2011	24.7 Juta	58.3 billion	6	United Kingdom	TF	28.2	28.1	-6.4	-0.2
2012	25.0 Juta	60.6 billion	7	Turkey	TF	25.5	27.0	-2.7	10.9
2013	25.72Juta	65.44 billion	8	Germany	TCE	24.2	26.9	-2.7	10.9
			9	Malaysia	TF	23.6	24.6	7.2	3.9
			10	Mexico	TF	21.5	22.4	-5.2	4.4

*Sumber:* Diubahsuai dari Laporan Statistik Pelancongan, Kementerian Pelancongan Malaysia, 2011

*Sumber:* Akaun Satelit Pelancongan, Kementerian Pelancongan Malaysia (2000-,2011), World Tourism Organization, 2011

Rajah 2.1: Hasil pendapatan sektor pelancongan negara (Laporan Statistik Pelancongan Malaysia, 2014)

## 2.6 PELANCONGAN WARISAN

Menurut Adi Amiruddin et. al, (2019), pelancongan warisan adalah antara bentuk pelancongan yang dapat mempamerkan segala khazanah yang telah diwarisi seperti kebudayaan, sejarah, kesenian, alam semula jadi, keagamaan, dan artifak. Hal ini kerana warisan tersebut perlulah dapat menarik perhatian pelawat serta mudah dilawati oleh pelancong kerana ia merupakan satu fenomena yang baru, akan tetapi budaya melawat telah lama wujud dan popular sejak dahulu lagi. Pembangunan di kawasan pelancongan warisan budaya merupakan salah satu bentuk konkrit dalam mengekalkan budaya yang terdapat nilai-nilai pemuliharaan aset budaya. Kawasan pelancongan warisan ini merupakan pelaksanaan melalui dua kepentingan seperti meluaskan kebudayaan dan kebudayaan sangat penting dalam memperkembangkan kekuatan terhadap budaya tempatan yang terdapat nilai “unique selling point” dalam asas dalam segi budaya dan pelancongan yang memasyarakatkan keunggulan komparatif (Abdullah, 2013).

Menurut (Ardika, 2012), terdapat banyak indikator yang boleh menentukan pelancongan warisan manakah yang akan menjadi tarikan pelancong dan berkemungkinan akan dibangunkan dengan lebih berjaya dan mampan agar dapat dijadikan enjin pembangunan sektor ekonomi negara. Perasaan patriotisme dan memelihara budaya bangsa. Ini kerana pelancongan warisan memerlukan pengurusan yang baik secara profesional, berterusan dan mampan agar dapat memberikan daya tarikan dan kesan positif yang berterusan kepada pelancong, masyarakat dan negara. Menurut Mitchell (2009), pelancongan warisan boleh dipelihara secara profesional melalui penglibatan banyak pihak, seperti pemegang polisi, ahli politik, pakar perdagangan dan masyarakat setempat.



### 2.6.1 PELANCONGAN BANGUNAN

Menurut Karim, K.M., & Sakdan, M.F., (2019), pembangunan di sesuatu kawasan memerlukan perancangan dan pelaksanaan yang sistematik. Terdapat tiga peringkat kerajaan di Malaysia, kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan. Setiap peringkat bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan yang terbaik dan memenuhi keperluan masyarakat secara keseluruhan (Jusoh, H., & Ahmad, 2009; Zakaria & Che Razak, 2011). Menurut Zuliskandar Ramli et al.(2015) terdapat lebih daripada 4,000 bangunan purba termasuk kedai dan rumah bandar, banglo, vila, pejabat kerajaan, bangunan komersial, gereja, masjid, kuil Cina dan Hindu, gudang dan pejabat, perkampungan air, blok pangsapuri dan monumen. Ini kerana bangunan ini adalah harta warisan yang dilindungi di bawah Akta Perdana Persekutuan. Pelancongan ke Malaysia semakin meningkat, dan ada sebab kukuh untuk itu, banyak tapak bersejarah Malaysia sangat popular dengan pelancong. Sebagai contoh, Melaka menyaksikan peningkatan sebanyak lima peratus dalam pelancongan pada tahun 2014. Persekitaran fizikal bangunan terkemuka sangat penting kepada identiti sesebuah bandar (Shuhana et, al., 2012).

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 2.6.2 PELANCONGAN MASJID

Menurut Siti Rokyah Md Zain, et al., 2016, Pusat Pelancongan Islam Malaysia (ITC) telah menyediakan portal dalam talian, pautan dan artikel ringkas mengenai masjid yang boleh dikunjungi oleh pelancong asing dan domestik. Ini kerana tapak masjid dengan kerjasama ITC seperti Masjid Negara, Masjid Wilayah, Masjid Tankera, Masjid Al-Zaher dan banyak lagi masjid-masjid terkenal bertujuan untuk memudahkan kunjungan para pelancong ke masjid-masjid tersebut. Sebagai contoh, sudah hampir 50 tahun Masjid Negara disambut oleh ramai pelancong asing dan tempatan yang ingin mengunjungi masjid tersebut dan ini bukanlah sesuatu yang pelik atau pelik bagi rakyat Malaysia. Pelancongan Islam kini mendapat perhatian meluas, malah masjid merupakan salah satu produk terkemuka yang mempunyai nilai tarikan tersendiri. Keindahan seni bina dan hiasan dalaman turut menjadi tarikan tumpuan pelancong asing (Noor Fiteri Bin Abdullah, 2013).

Menurut Duman, 2011, daripada rentetan peristiwa September 11, terdapat peningkatan pelancongan ke negara-negara Islam yang mendapat sambutan amat memberangsangkan. Menurut laman sesawang Masjid Wilayah, pada tahun 2010, masjid tersebut telah menerima sejumlah 2,252 pelancong luar negara dan rakyat tempatan. Pelancong dari Perancis menduduki tangga teratas dalam jumlah pelancong yang berkunjung ke sana. Ini diikuti oleh pelancong dari Korea, Jepun, Thailand, Republik China, United Kingdom dan Amerika.

**Bilangan pelancong yang melawat Masjid Wilayah 2010**

Bilangan pelancong	Negara
214	Perancis
158	Korea
147	Jepun
130	Thailand
98	Republik China
89	United Kingdom
74	Amerika

Rajah 2.2: Bilangan pelancong yang datang melawat Masjid Wilayah pada tahun 2010.

## 2.7 PENUTUP

Secara keseluruhannya pada bahagian bab 2 ini, pengkaji mendapatkan maklumat daripada kajian terdahulu dengan mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan penyelidikan yang dijalankan. Setakat ini, pengkaji dapat mengetahui bahawa kajian berkaitan Masjid Sultan Abu Bakar ini hanya terdapat sedikit kajian yang dijalankan tetapi kajian yang dijalankan ini tidak secara menyeluruh yang akan membuatkan masyarakat tidak mendapatkan maklumat yang sahih dan benar. Pengkaji juga membuat ulasan berkaitan kajian terdahulu bagi membezakan kajian yang dilakukan dengan kajian yang terdahulu. Hal ini supaya pengkaji dapat menjadikan sedikit sebanyak panduan dalam menyempurnakan kajian penyelidikan yang dihasilkan ini serta menunjukkan kepada masyarakat bahawa masjid lama ini merupakan khazanah yang diiktiraf sebagai warisan negara.

## BAB 3


### METODOLOGI

#### 3.0 PENGENALAN

Menurut (Pustaka, 2008) metodologi bermaksud sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan pada sesuatu kegiatan atau disiplin. Metodologi juga merupakan kaedah, teknik, ragam, gaya dan sebagainya yang digunakan semasa melaksanakan kajian tertentu bagi mencapai tujuan tertentu. Pada bahagian bab ini, pengkaji akan membincangkan kaedah yang digunakan dalam menjalankan kajian ini dalam memperoleh segala maklumat penulisan ini. Hal ini bertujuan untuk menerangkan dengan lebih tepat dan jelas serta tersusun tentang bagaimana pengumpulan data dan maklumat didapati. Metodologi ini memainkan peranan yang penting kerana ia merupakan satu pendekatan kajian pemerolehan data. Penyelidikan akan dilakukan mengikut langkah-langkah yang telah diatur supaya dapat mengawal maklumat yang diperolehi bagi menjalankan kajian penyelidikan. Tujuan metodologi kajian ini dijalankan adalah untuk mendapatkan jawapan dengan langkah ilmiah yang dapat menjamin kajian dilakukan dengan lebih teratur.

Penyelidikan metodologi ini merupakan satu proses yang bergerak secara sistematik dalam pengumpulan dan menganalisis data serta maklumat bagi sesuatu tujuan tertentu (Prof Madya Dr. Bhasah Abu Bakar, et. al, 2013). Oleh itu, dalam mendapatkan maklumat secara tepat dan sahih mengikut objektif yang telah ditetapkan, pendekatan menerusi kaedah kajian kualitatif akan digunakan dengan menggunakan data primer dan juga sekunder.

### 3.1 REKABENTUK KAJIAN



Reka bentuk kajian bagi penyelidikan ini dijalankan bagi menangani masalah kajian kepada kaedah keseluruhan kajian yang dipilih. Ia merangkumi isu dan persoalan, kaedah pengumpulan data, tujuan kajian, laporan dapatan, maklumat serta data kajian. Hal ini kerana reka bentuk kajian akan menjadi pelan kepada kajian penyelidikan yang akan dijalankan ini.



### 3.2 PENDEKATAN KAJIAN

Dalam memantapkan lagi kajian yang dijalankan, pengkaji menggunakan pendekatan penyelidikan yang bersesuaian dengan kajian ini. Antara pendekatan yang digunakan adalah pendekatan etnografi. Pengkaji akan melakukan tinjauan ke atas kawasan kajian untuk mendapatkan data dan maklumat dengan lebih jelas. Selain itu, pengkaji juga melakukan temubual ke atas pegawai yang terlibat dalam penyelidikan pemeliharaan bangunan tersebut. Penggunaan pendekatan ini digunakan kerana pengkaji ingin mengumpulkan maklumat dan data yang pelbagai bagi menjawab objektif yang telah dinyatakan oleh pengkaji.

### 3.3 KAEDAH KAJIAN

Pengkaji menggunakan kaedah kajian kualitatif dalam menjalankan penyelidikan ini. Kaedah kajian ini dijalankan bagi mendapatkan maklumat atau data dalam kajian yang dijalankan ini. Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Menurut Denzin dan Lincoln (1994), penyelidikan kualitatif ini merupakan kaedah pelbagai yang berfokus, termasuklah dalam menggunakan pendekatan semula jadi untuk menyelidik sesuatu objek tersebut. Penyelidikan kualitatif juga merupakan salah satu proses inkuiri ke arah pemahaman yang didasari daripada kaedah pengumpulan data yang perlu digunakan dalam memerhati atau meninjau sesuatu permasalahan tersebut (Cresswell, 1994). Segala data atau maklumat yang berkaitan dengan kajian pengkaji akan dikumpulkan bagi memenuhi objektif yang dinyatakan. Terdapat dua kaedah pengumpulan data yang berbeza digunakan dalam kajian ini iaitu data primer dan juga data sekunder. Penggunaan kedua-dua data ini dapat memantapkan lagi kajian yang dijalankan kerana perolehan data tersebut akan lebih tepat dan jelas.

#### 3.3.1 DATA PRIMER

Dalam menjalankan kajian ini, data primer merupakan pemerolehan data buat kali pertama yang diperoleh dalam menjalankan kajian ini. Data ini dikumpulkan oleh pengkaji sendiri bagi mengetahui maklumat kajian tersebut secara kursus bagi memudahkan kajian penyelidik ini. Menurut Syed Ismail (2010), maklumat asal and maklumat yang tidak atau boleh diterbitkan merupakan penemuan baru penyelidikan asli. Dalam penyelidikan ini, pengkaji telah menggunakan kaedah pengumpulan data bersumberkan data primer bagi



mendapatkan maklumat yang berkaitan objektif kajian yang dinyatakan. Antara data primer yang digunakan adalah:

### **I. Temu bual**

Dalam menjalankan kaedah temu bual ini, pengkaji akan menemubual seorang responden bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan dalam kajian yang dijalankan. Temu bual ini dijalankan dengan kaedah lisan yang merupakan cara utama untuk mendapatkan maklumat dengan sah dan tepat. Pertanyaan yang akan ditanya semasa temu bual ini adalah berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan serta maklumat tentang masjid ini.

### **II. Borang soal selidik**

Dalam mendapatkan maklumat berkenaan kajian ini, pengkaji akan melakukan borang soal selidik yang dilengkapi dengan beberapa soalan yang diperlukan. Borang soal selidik ini dijalankan dengan kaedah 'google form' untuk memudahkan responden menjawab soalan kajian yang pengkaji jalankan ini. Borang soal selidik ini akan dibahagikan kepada 3 bahagian untuk memfokuskan soalan yang akan ditanya kepada responden yang terpilih.

### **III. Kajian lapangan**

Dalam kajian lapangan ini, pengkaji akan mengunjungi Masjid Sultan Abu Bakar bagi melihat sendiri keadaan serta nilai warisan yang terdapat pada masjid tersebut. Daripada kunjungan tersebut, pengkaji akan menganalisis serta merekodkan segala yang dilihat supaya dapat dijadikan bukti kajian ini.

#### **IV. Catatan**

Catatan akan diambil pada setiap kali maklumat diperoleh pada kaedah temubual mahupun pada kaedah pemerhatian supaya pengkaji tidak terlepas daripada maklumat yang penting untuk diletakkan dalam laporan kajian. Hal ini secara tidak langsung dapat membantu dalam melakukan analisis serta pendokumentasian dengan lebih rapi dan kemas.

#### **V. Rakaman foto**

Rakaman foto ini diambil semasa pengkaji pergi ke tapak kajian lapangan supaya dapat merakam gambar-gambar yang berkaitan dengan kajian pengkaji. Hal ini supaya dapat menjadikannya sebagai bukti dalam laporan kajian serta memberikan penjelasan yang lebih mendalam kepada pembaca kelak. Pengkaji hanya menggunakan peralatan seperti peranti telefon pintar sahaja untuk merakamkan maklumat penting.

#### **3.3.2 DATA SEKUNDER**

Data sekunder ini juga dipilih oleh pengkaji dalam menjalankan kajian ini kerana pengkaji akan mendapatkan data dan maklumat dengan lebih tepat. Hal ini kerana data sekunder merupakan data yang diperolehi melalui media massa yang terdiri daripada media elektronik dan bercetak. Sumber rujukan yang diperolehi ini mengandungi maklumat yang telah difokuskan oleh pengkaji bagi menepati segala kriteria kajian pengkaji. Pengkaji telah memilih media elektronik yang terdiri daripada rujukan internet dalam mencari segala maklumat berkaitan kajian yang dijalankan. Hal ini kerana ia dapat memudahkan pengkaji dalam menjalankan kajian dengan berpandukan maklumat kajian terdahulu yang telah dikaji oleh pengkaji yang lain. Selain itu, pengkaji juga memfokuskan pengumpulan data daripada

jurnal dan juga buku daripada ‘Google Scholar’ kerana terdapat banyak maklumat berkaitan kajian yang dikaji sehingga pengkaji dapat menyempurnakan objektif kajian yang dilakukan.

### **I. Rujukan internet**

Kaedah rujukan daripada laman sesawang ini digunakan bagi mencari maklumat secara mendalam berkaitan tajuk kajian pengkaji ini. Segala maklumat serta informasi yang berkaitan kajian Masjid Sultan Abu Bakar ini akan diambil dan ia akan dianalisis terlebih dahulu bagi mengambil penulisan yang penting untuk dicatatkan dalam catatan pengkaji.

### **II. Buku**

Buku juga dipilih sebagai rujukan tambahan rujukan perpustakaan bagi mendapatkan maklumat melalui pembacaan ilmiah. Rujukan bahan bacaan ini lazimnya diperoleh daripada bacaan bertulis atau elektronik yang dapat memberikan maklumat tambahan kepada pengkaji.

### 3.4 PENSAMPELAN

Pensampelan dalam kajian ini digunakan untuk memastikan khazanah bangunan bersejarah yang terdapat di Johor terus dipelihara dalam jangka masa yang lama. Pensampelan ini adalah bertujuan untuk memperoleh maklumat tentang bangunan masjid tersebut.

### 3.5 INSTRUMEN KAJIAN

Instrument kajian ini digunakan oleh pengkaji dalam menjalankan penyelidikan kerana ia memberikan dapatan yang hampir sama dengan kajian yang dijalankan. Penggunaan peralatan seperti perisian atau perkakasan digunakan bagi mengumpul serta mengambil maklumat data kajian seperti video, gambar, perakam suara dan sebagainya. Dalam menjalankan kajian menggunakan instrumen ini, pengkaji menggunakan kaedah mengambil gambar semasa membuat pemerhatian. Hal ini kerana kaedah ini dilihat dapat memudahkan penyelidik mendapatkan maklumat dengan lebih sistematik dan juga dapat mencapai objektif kajian.

### 3.6 ANALISIS DATA

OBJEKTIF KAJIAN	PENDEKATAN KAJIAN	INSTRUMEN KAJIAN
Mengenalpasti nilai warisan yang terdapat di Masjid Sultan Abu Bakar di Johor Bahru.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Data primer</li> <li>2. Data sekunder</li> </ol>	<p><b>Temubual</b></p> <p>Temubual dijalankan bagi mendapatkan maklumat serta perbincangan dengan pihak berwajib.</p> <p><b>Pemerhatian</b></p> <p>Pengkaji turun ke tapak kajian bagi merekodkan keadaan bangunan masjid tersebut.</p>
Menganalisis potensi yang terdapat di Masjid Sultan Abu Bakar dalam sektor pelancongan warisan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pemerhatian</li> <li>2. Fotografi</li> </ol>	<p><b>Pemerhatian</b></p> <p>Pengkaji turun ke tapak kajian bagi merekodkan keadaan bangunan masjid tersebut.</p> <p><b>Fotografi</b></p> <p>Maklumat bergambar diambil untuk dijadikan bahan kajian.</p>
Menyiasat isu dan cabaran di dalam menjadikan Masjid Sultan Abu Bakar di Johor Bahru dalam sektor pelancongan warisan.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Data primer</li> <li>2. Data sekunder</li> <li>3. Borang soal selidik</li> </ol>	<p><b>Temubual</b></p> <p>Temubual dijalankan bagi mendapatkan maklumat serta perbincangan dengan pihak berwajib.</p> <p><b>Pemerhatian</b></p> <p>Pengkaji turun ke tapak kajian bagi merekodkan keadaan bangunan masjid tersebut.</p> <p><b>Borang soal selidik</b></p> <p>Soal selidik dilakukan bagi memperoleh maklumat.</p>

### 3.7 PENUTUP

Secara keseluruhannya, metodologi kajian yang dilakukan ini merupakan antara cara yang digunakan oleh pengkaji dalam mendapatkan maklumat dengan lebih tepat dan jelas berkaitan kajian yang dilakukan. Hal ini kerana pengkaji dapat memperoleh informasi, sumber rujukan, dan juga data yang sesuai dengan kajian. Diharapkan maklumat yang diperoleh ini dapat menjawab segala objektif kajian yang dikemukakan dalam menjalankan kajian ini. Pemuliharaan ke atas bangunan warisan ini masih lagi berada dalam keadaan baik walaupun masih terdapat beberapa usaha yang dilakukan ke atas bangunan tersebut. Oleh itu, dalam menuju ke arah negara yang kian maju ini, diharapkan pihak kerajaan dapat memberikan perhatian sepenuhnya kepada bangunan tinggalan warisan yang terdapat di negara ini.

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.0 Pengenalan

Pada bahagian bab 4 ini, segala maklumat dan hasil kajian yang diperoleh ini akan dianalisis oleh penyelidik berdasarkan objektif kajian dan tajuk kajian. Dalam menjalankan projek penyelidikan ini, dapatan kajian memainkan peranan yang penting kerana ia akan menjawab segala objektif kajian dan permasalahan kajian yang dinyatakan sebelum ini. Dapatan kajian ini diperoleh dengan merangkumi tiga objektif kajian utama iaitu mengenalpasti nilai warisan yang terdapat di Masjid Sultan Abu Bakar di Johor Bahru. Dalam objektif kajian yang pertama ini, temubual dilakukan kepada individu yang berpengetahuan serta berpengalaman tentang Masjid Sultan Abu Bakar untuk mendapatkan maklumat secara terperinci. Objektif kedua pula adalah untuk menganalisis potensi yang terdapat di Masjid Sultan Abu Bakar dalam sektor pelancongan warisan. Penyelidik melakukan kajian lapangan untuk merungkai dengan lebih mendalam dengan menganalisis potensi bahagian masjid tersebut. Objektif yang ketiga adalah menyiasat isu dan cabaran dalam menjadikan Masjid Sultan Abu Bakar di Johor Bahru dalam sektor pelancongan warisan. Setiap isu dan cabaran akan dikaji dengan lebih mendalam untuk menghasilkan cadangan yang terbaik demi kebaikan Masjid Sultan Abu Bakar. Setiap potensi dan cabaran yang terdapat pada Masjid Sultan Abu Bakar ini akan dikaji dengan lebih mendalam supaya dapat mengemukakan cadangan yang terbaik demi Masjid Sultan Abu Bakar ini.

#### 4.1 Dapatan responden

Penyelidik telah melakukan kajian di Masjid Sultan Abu Bakar yang terletak di daerah Johor Bahru dengan menemubual seorang responden di sekitar lokasi kajian tersebut dalam mendapatkan maklumat yang diinginkan dengan lebih mendalam. Pengkaji juga membuat 'google form' bagi mendapatkan maklumat dengan lebih banyak dalam aspek potensi dan cabaran yang terdapat di Masjid Sultan Abu Bakar Johor Bahru dalam sektor pelancongan warisan. Hasil daripada temubual dan 'google form' ini, ia dapat dilihat dengan lebih jelas bahawa Masjid Sultan Abu Bakar ini mempunyai keunikan warisan sejarah yang masih lagi utuh dalam memartabatkannya terhadap sektor pelancongan warisan umumnya di Malaysia ini.

Terdapat sebanyak 154 orang responden yang didapati melalui kaedah 'google form' ini mengikut carta 'morgan table'. Pengkaji menggunakan kaedah ini dengan memberikan link secara atas talian kepada penduduk di sekitar Johor Bahru dan pengunjung yang terdapat di sekitar Masjid Sultan Abu Bakar ketika pengkaji turun ke kajian lapangan serta tidak ketinggalan juga kepada masyarakat yang pernah mengunjungi Masjid Sultan Abu Bakar ini. Hal ini bertujuan supaya pengkaji dapat mengetahui ciri-ciri masyarakat yang menjawab borang soal selidik ini. Walau bagaimanapun, maklumat yang diperoleh ini hanya digunakan bagi tujuan kajian penyelidik sahaja dan tidak akan didedahkan kepada mana-mana pihak.

Dalam sesebuah penelitian kajian, responden merupakan antara pihak yang amat penting dalam memberikan maklumat serta menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh pengkaji. Jadual 4.1 di bawah menunjukkan pecahan nama, tempat dan tarikh temubual di antara pengkaji dan juga responden.



<b>Bil</b>	<b>Nama Responden</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Tarikh Temubual</b>
1.	Muhammad Hisyamuddin Bin Hashim	Pembantu Hal Ehwal Islam	13 Disember 2022

Jadual 4.1: Nama Responden Yang Ditemubual Pengkaji



Rajah 4.1: Gambar Encik Hisyamuddin

(Sumber: Diambil semasa temubual)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN


## 4.2 Nilai Warisan Masjid Sultan Abu Bakar di Johor Bahru

Negeri Johor merupakan antara negeri yang kaya dengan sejarah dan kesenian yang menarik mengikut daerah tertentu. Tidak ketinggalan juga dengan daerah Johor Bahru, Masjid Sultan Abu Bakar merupakan antara masjid warisan kerana ia telah bertapak di Johor Bahru dalam jangka masa yang lama. Terdapat beberapa keunikan, pengaruh senibina, dan juga ciri khas yang dapat dilihat pada bangunan Masjid Sultan Abu Bakar ini. Hal ini kerana masjid ini merupakan masjid pertama yang ditintahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Almarhum Sultan Abu Bakar (Seri Maharaja) Ibni Almarhum Raja Temenggung Tun Ibrahim untuk dibina. Senibina yang diterapkan dalam pembinaan Masjid Sultan Abu Bakar ini mempunyai campuran daripada pengaruh asing dan juga tempatan yang pada hari ini telah dijadikan sebagai Masjid Negeri Johor yang tersegam indah. Oleh itu, penyelidik dapat menyimpulkan bahawa Masjid Sultan Abu Bakar ini mempunyai pelbagai keunikan yang tersendiri serta pengaruh yang pelbagai dalam melambangkan kehalusan seni bina masjid tersebut selepas pengkaji membuat kajian lapangan di Masjid Sultan Abu Bakar ini. Oleh itu, warisan senibina yang terdapat pada masjid ini perlulah dipelihara dan dikekalkan dalam jangka masa yang panjang supaya asal usulnya dapat menjadi rujukan kepada generasi muda pada masa akan datang.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 4.2.1 Nilai Warisan Seni Bina

Menurut Encik Muhammad Hisyamuddin, (2022) melalui temubual yang dijalankan oleh penyelidik, beliau berpendapat bahawa Masjid Sultan Abu Bakar ini mempunyai pengaruh senibina Mesir. Pada permulaanya, Masjid Sultan Abu Bakar ini hanyalah terdiri daripada sebuah blok bangunan simetri. Bangunan Masjid Sultan Abu Bakar ini mempunyai empat menara yang dilengkapi dengan kubah pada setiap sisi bangunan masjid. Pada bahagian menara tersebut juga turut dihiasi dengan lampu yang unik dan bernilai yang diimport daripada Negara Turki. Kubah yang terdapat pada menara tersebut adalah berbentuk bawang yang dibawa daripada pengaruh senibina dari benua India. Menara tersebut juga adalah berasaskan reka bentuk Moorish dan seiras dengan kebanyakan masjid lama Mesir. Antara lainnya adalah Masjid Ibn Touloun yang berinspirasi dari Sammara yang dibina pada zaman pemerintahan Kerajaan Abbasiyah iaitu mesopotamia. Bentuk menara Masjid Sultan Abu Bakar pula adalah mengikut bentuk bangunan dan binaan pada zaman Mamluk awal iaitu Qaluan pada tahun 1250-1350.




Rajah 4.2: Pelan lantai Masjid Sultan Abu Bakar.

(Sumber: Gambar diambil oleh penyelidik)



Rajah 4.3: Pandangan sisi Masjid Sultan Abu Bakar

(Sumber: Gambar diambil oleh penyelidik)



Rajah 4.4: Menara Masjid Sultan Abu Bakar

(Sumber: Gambar diambil oleh penyelidik)

Pada bahagian sayap kanan Masjid Sultan Abu Bakar juga terdapat ukiran nombor Arab pada bahagian dinding tersebut. Ukiran nombor Arab yang terdapat pada dinding mihrab menyinkap tahun pembinaan Masjid Sultan Abu Bakar pada tahun 1311 Hijrah (1892 Masihi). Bahagian dinding Masjid Sultan Abu Bakar merupakan antara seni bina yang menarik. Hal ini kerana semasa proses pembuatan simen dilakukan, ia telah dicampurkan dengan campuran putih telur yang digaulkan bersama-sama dengan simen. Bahagian luar utama Masjid Sultan Abu Bakar ini mempunyai lingkaran bulatan terbuka yang berada di tengah-tengah laluan masuk utama. Laluan ini juga merupakan laluan yang menghubungkan antara Masjid dengan Balai Masjid. Manakala laluan untuk masuk ke pintu pada bahagian sayap kanan bangunan masjid pada asalnya diperbuat daripada susunan batu karang.



Rajah 4.5: Pandangan hadapan Masjid Sultan Abu Bakar  
(Sumber: Gambar diambil oleh penyelidik)

Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa Masjid Sultan Abu Bakar ini juga mempunyai dekorasi elemen daripada seni era klasikal Roman dan Victoria. Seni bina bangunan masjid ini mempunyai persamaan dengan masjid-masjid di negara Timur Tengah dan Asia Barat.

Pada bahagian ruangan dalam masjid tersebut turut dihiasi dengan persamaan ukiran-ukiran yang terdapat pada Masjid Sultan Hassan di Mesir. Pangkal-pangkal tiang yang diukir indah juga tiada bezanya dengan beberapa buah masjid di Mesir seperti Masjid Kaiet Bey, Masjid Markouk, Masjid Azhar Sultan Zamandan dan Masjid Imam Shafie. Lantai yang menghiasi bahagian dalaman Masjid Sultan Abu Bakar tersebut juga dihiasi dengan batu marmar yang berwarna putih kelabu dan ianya juga diimport dari Negara Itali.




Rajah 4.6: Bahagian dalam Masjid Sultan Abu Bakar

(Sumber: Gambar diambil oleh penyelidik)

Terdapat juga beberapa perhiasan dalaman yang menjadi tarikan utama Masjid Sultan Abu Bakar. Antaranya adalah jam antik yang disaluti dengan warna emas dan ianya tergantung pada bahagian laluan utama masjid tersebut. Walaubagaimanapun tiada maklumat yang lebih terperinci tentang jam berkenaan. Pada bahagian dewan masjid utama, terdapat sebuah mimbar yang bentuknya dipenuhi ukiran diperbuat daripada tembaga seusia dengan bangunan masjid. Mengikut pada sejarah mimbar tersebut, ia telah dibawa daripada negara

Islam iaitu Turki yang warnanya kuning keemasan. Masjid ini telah bertahan lebih daripada satu abad dan kekal sebagai warisan Johor.



Rajah 4.7: Laluan tengah Masjid Sultan Abu Bakar

(Sumber: Gambar diambil oleh penyelidik)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 4.2.2 Nilai Warisan Sejarah

Menurut Encik Mohammad Hisyamuddin (2022), Masjid Negeri Johor iaitu Masjid Sultan Abu Bakar sangat terkenal dengan seni binanya yang menarik serta salah satu bangunan yang paling tua di Johor. Kedudukannya yang terletak di pinggir Pantai Lido dan berada kira-kira satu kilometer dari Selat Teberau memberikan pandangan yang tersergam indah di atas Bukit Reden. Pada hari Selasa iaitu 26 Julai 1891 bersamaan 1 Muharam (1310 Hijrah), Tuanku Duli Yang Maha Mulia Almarhum Sultan Abu Bakar (Seri Maharaja) Ibni Almarhum Raja Temenggung Tun Ibrahim telah menintahkan pembinaan Masjid Sultan Abu Bakar dan juga meletakkan batu asas di tapak pembinaan yang ingin dibangunkan.



Rajah 4.8: Gambar Tuanku Duli Yang Maha Mulia Almarhum Sultan Abu Bakar Ibni Almarhum Raja Temenggung Tun Ibrahim  
(Sumber: Rujukan internet)

Dalam meraikan upacara meletak batu asas Masjid Sultan Abu Bakar, sebuah penyodok perak bertangkai gading di bingkai binatang dan bulan sabit digunakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar pada tahun 1310 Hijrah. Penyodok perak tersebut berukiran jawi



yang dianggap berasal daripada Great Britian pada sekitar tahun 1892 dengan ukuran panjangnya 28.5 cm. Pada awal tahun 1892, pembinaan masjid tersebut telah bermula dan jangka masa pembinaan tersebut telah mengambil masa selama 8 tahun.



Rajah 4.9: Gambar penyodok perak

(Sumber: Rujukan internet)

Terdapat seorang arkitek dan jurutera berbangsa Melayu yang mengendalikan pembinaan ini. Tuan Haji Mohamad Arif Bin Haji Punak (Haji Tiwek) merupakan arkitek yang bertanggungjawab melukis pelan dan kerja-kerja pembinaan manakala jurutera dalam kerja pembangunan ini adalah Yang Berhormat Dato' Yahya Bin Awaluddin. Selepas itu, pada tiga tahun yang seterusnya iaitu 4 Jun 1895 pada hari Selasa, Sultan Abu Bakar telah mangkat di London dan anaknya iaitu Yang Amat Mulia Tuanku Ibrahim telah dimahkotakan sebagai Sultan Johor untuk menggantikan pemerintahan ayahnya. Pada awal tahun 1900, pembinaan Masjid Sultan Abu Bakar telah siap sepenuhnya dan pembukanya telah dirasmikan oleh Almarhum Sultan Sir Ibrahim Al-Masyhur Ibni Al-Marhum Sultan Sir Abu Bakar Al-Khalil Ibrahim Shah.



Rajah 4.10: Gambar Almarhum Sultan Sir Ibrahim Al-Masyhur Ibn Al-Marhum Sultan Sir Abu Bakar Al-Khalil Ibrahim Shah.

(Sumber: Rujukan internet)

Dalam pembukaan tersebut juga turut dihadiri Menteri Besar Johor iaitu Dato Jaafar Bin Haji Mohamed. Pembinaan Masjid Sultan Abu Bakar ini telah menelan belanja sebanyak RM400,000. Pada hari Jumaat iaitu 2 Februari 1900 bersamaan 1 Syawal 1317 Hijrah, Masjid Sultan Abu Bakar ini telah digunakan secara rasminya untuk solat Jumaat yang mampu menampung seramai 2,000 jemaah dalam satu masa. Masjid ini diberi nama Masjid Sultan Abu Bakar semperna nama ayahanda Tuanku Ibrahim iaitu Almarhum Sultan Abu Bakar. Walaupun bangunan Masjid Sultan Abu Bakar telah berusia lebih daripada 100 tahun, tetapi seni binanya masih berdiri teguh dan utuh sehingga kini. Bangunan masjid tersebut pada masa kini telah menjadi tarikan pelancongan kerana keunikan seni binanya yang unik dan teguh.



Rajah 4.11: Gambar Almarhum Dato Jaafar Bin Haji Mohamed.


(Sumber: Rujukan internet)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 4.3 Potensi Masjid Sultan Abu Bakar Dalam Sektor Pelancongan Warisan


Pada bahagian ini, penyelidik menerangkan segala potensi yang terdapat pada Masjid Sultan Abu Bakar dalam sektor pelancongan warisan. Penyelidik yang melakukan kajian lapangan di Masjid Sultan Abu Bakar di Johor Bahru telah mencatat serta merakam foto terhadap potensi yang dapat dilihat pada masjid ini. Daripada pemerhatian yang dijalankan ni, penyelidik mendapati terdapat beberapa kemampuan masjid ini dalam sektor pelancongan warisan.

Antara potensi Masjid Sultan Abu Bakar dalam sektor pelancongan warisan yang boleh dilihat adalah memiliki seni bina yang menarik. Masjid Sultan Abu Bakar ini dikategorikan sebagai masjid kolonial yang menggunakan gaya seni bina Klasik-Eropah dengan berunsurkan gaya Timur Tengah dan Asia Barat seperti senibina 'Victoria'. Ia dapat dilihat dari segi elemen bangunan tersebut seperti bahagian bawah, tengah, dan atas.. Terdapat 4 buah menara dan menara 2 tingkat bulat di atas dan empat segi di bahagian bawah serta berkubah. Bangunan utama masjid berbentuk segi empat tidak sama, memanjang ke qiblat & ditutupi dengan bumbung limas tunggal. 4 buah menara yang menarik dibina pada setiap sisi bangunan utama. Menara di sisi kanan merupakan anjung masuk utama masjid. Menara ini dan juga menara di sisi kiri mempunyai 4 aras yang berbentuk segi empat di aras bawah dan aras 1 sementara bentuk segi lapan di aras 2 dan 3. Ia disudahi dengan puncak yang berkubah segi lapan berwarna hitam. Menurut Nangkula Utaberta dan Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi (2010), gaya Klasik-Eropa dikenali dari 'cornice' ini dibentuk untuk menghiasi pada bahagian dinding bangunan manakala 'pilaster cornice' dihiasi pada tingkap bangunan Masjid Sultan Abu Bakar.



Rajah 4.12: Menara tengah bahagian hadapan Masjid Sultan Abu Bakar.

(Sumber: Gambar diambil oleh penyelidik)



Rajah 4.13: Menara bahagian kanan Masjid Sultan Abu Bakar

(Sumber: Gambar diambil oleh penyelidik)



Rajah 4.14: Masjid Sultan Abu Bakar tersegam indah di Bukit Reden.

(Sumber: Gambar diambil oleh penyelidik)



Rajah 4.15: Tembok maklumat pelancongan Masjid Sultan Abu Bakar.

(Sumber: Gambar diambil oleh penyelidik)

Pada bahagian bawah, penggunaan lantai batu marmar yang berwarna putih kelabu masih digunakan sehingga hari ini. Pada bahagian tengah bangunan Masjid Sultan Abu Bakar ini, ia dihiasi dengan tiang ganda yang berfungsi untuk menyokong pintu gerbang serta permukaan


dinding yang melengkung. Setiap bahagian dinding masjid tersebut dilengkapi dengan unsur Eropah yang membuatkan masjid tersebut kelihatan lebih unik dan berbeza daripada masjid yang terdapat di Johor ini. Pada bahagian atas pula, ia dilengkapi dengan empat buah menara utama yang terdapat kubah berbentuk bawang dan menjadi antara mercu tanda Masjid Sultan Abu Bakar ini.



Rajah 4.16: Lantai batu marmar yang terdapat pada ruang solat wanita dalam Masjid Sultan Abu Bakar.


(Sumber: Gambar diambil oleh penyelidik)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



Rajah 4.17: Tiang yang terdapat dalam Masjid Sultan Abu Bakar.

(Sumber: Gambar diambil oleh penyelidik)



Rajah 4.18: Siling yang terdapat dalam dewan utama Masjid Sultan Abu Bakar.

(Sumber: Gambar diambil oleh penyelidik)





Rajah 4.19: Mimbar yang terdapat dalam dewan utama Masjid Sultan Abu Bakar.

(Sumber: Gambar diambil oleh penyelidik)



Rajah 4.20: Dewan utama ruang solat lelaki Masjid Sultan Abu Bakar.

(Sumber: Gambar diambil oleh penyelidik)




Rajah 4.21: Laluan utama Masjid Sultan Abu Bakar.

(Sumber: Gambar diambil oleh penyelidik)



Rajah 4.22: Tangga utama untuk ke tempat wuduk wanita Masjid Sultan Abu Bakar.

(Sumber: Gambar diambil oleh penyelidik)



Rajah 4.23: Pintu utama yang digunakan pada Masjid Sultan Abu Bakar.

(Sumber: Gambar diambil oleh penyelidik)




Rajah 4.24: Kubah yang terdapat Masjid Sultan Abu Bakar.

(Sumber: Gambar diambil oleh penyelidik)

Selain itu, Masjid Sultan Abu Bakar ini juga telah membuat pembaharuan dari segi warna bangunan masjid daripada warna putih kepada warna kuning. Walaupun permukaan dinding telah dicat dengan warna kuning, masih terdapat beberapa permukaan yang dikekalkan warna putih seperti bingkai tingkap, pintu dan juga corak dinding. Pada bahagian permukaan bumbung, penggunaan warna biru masih lagi dikekalkan sehingga hari ini. Hal ini bertujuan untuk menyelaraskan penggunaan warna biru dan kuning yang merupakan warna utama dalam Kerajaan Johor. Penggunaan perubahan warna ini dilihat menjadi salah satu potensi dalam pelancongan warisan pada Masjid Sultan Abu Bakar ini. Ukiran timbul (relief) bermotif flora disusun polanya secara berulang-ulang menghiasi permukaan dinding luar binaan masjid

Seterusnya, bahagian ruangan solat juga menjadi antara potensi dalam pelancongan warisan Masjid Sultan Abu Bakar. Pada bahagian ruangan solat utama, ia dihiasi dengan siling bercorak berwarna emas, penggunaan lampu, dan tiang dinding yang membuatnya kelihatan mewah dan klasik. Mimbar berwarna kuning keemasan yang terdapat pada ruangan solat utama ini berusia sama seperti Masjid Sultan Abu Bakar dan dikekalkan sehingga hari ini. Ia mempunyai keunikan yang tersendiri kerana ia dibawa khas daripada Turki dan diperbuat daripada tembaga asli.



Rajah 4.25: Tingkap yang terdapat Masjid Sultan Abu Bakar.

(Sumber: Gambar diambil oleh penyelidik)



Rajah 4.26: Pintu yang terdapat Masjid Sultan Abu Bakar.

(Sumber: Gambar diambil oleh penyelidik)



Rajah 4.27: Warna kuning dan biru menjadi tema utama Masjid Sultan Abu Bakar.

(Sumber: Gambar diambil oleh penyelidik)

Di samping itu, pada bahagian luar laluan masuk ke pintu bahagian sayap kanan, terdapat dua dewan terbuka yang digunakan bagi menjalankan sesebuah aktiviti serta berfungsi sebagai tempat berehat para pelancong. Dewan tersebut juga menggunakan elemen gaya eropah yang dapat dilihat pada bahagian tiang dinding tersebut. Konsep dewan terbuka ini digunakan pada Masjid Sultan Abu Bakar kerana masjid di kawasan bukit ini sentiasa sejuk dan berada bersebelahan Pantai Lido. Masjid Abu Bakar ini sentiasa sejuk atau panas berhawa nyaman walaupun berada di dalam keadaan musim panas. Memandangkan kedudukan yang sangat strategik yang berada di atas bukit di selat Tebrau menjadikan masjid ini sentiasa tenang. Meletakkan masjid di atas bukit memberikan simbolik bahawa kedaulatan Islam perlu berada ditempat yang mulia.



Rajah 4.28: Lingkaran bulatan yang terdapat pada Masjid Sultan Abu Bakar.

(Sumber: Gambar diambil oleh penyelidik)



Rajah 4.29: Laluan utama untuk ke Masjid Sultan Abu Bakar.

(Sumber: Gambar diambil oleh penyelidik)



Rajah 4.30: Dewan terbuka yang terdapat Masjid Sultan Abu Bakar.

(Sumber: Gambar diambil oleh penyelidik)



Rajah 4.31: Bahagian dalam dewan terbuka yang terdapat Masjid Sultan Abu Bakar.

(Sumber: Gambar diambil oleh penyelidik)

MALAYSIA  
KELANTAN



#### 4.4 Isu Dan Cabaran Masjid Sultan Abu Bakar Dalam Sektor Pelancongan Warisan

Menurut Muhammad Hisyamuddin Bin Hashim iaitu pembantu dalam hal ehwal Islam (2022), melalui temubual yang dijalankan menyatakan beberapa isu dan cabaran yang terdapat pada bangunan Masjid Sultan Abu Bakar, Johor Bahru dalam sektor pelancongan warisan. Antara isu utama yang dinyatakan oleh beliau adalah berkaitan dengan isu komunikasi. Beliau menyatakan bahawa isu komunikasi terhadap pelancong menjadi isu utama dalam sektor pelancongan warisan ini. Hal ini kerana pihak Masjid Sultan Abu Bakar ini tidak menyediakan pemandu pelancong kepada pelancong yang hadir terutamanya kepada pelancong daripada luar negara. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan timbulnya masalah komunikasi antara pelancong dan pengawal keselamatan yang kurang mahir berbahasa Inggeris.


Selain itu, menurut Encik Muhammad Hisyamuddin Bin Hashim (2022), beliau menyatakan isu pemakaian juga merupakan cabaran yang dihadapi dalam sektor pelancongan warisan. Etika pemakaian yang sesuai menurut garis panduan Islam turut menjadi cabaran yang perlu dihadapi oleh pihak masjid bagi menjaga kesucian Masjid Sultan Abu Bakar sebagai rumah ibadat bagi umat Islam.

Seterusnya, menurut Encik Muhammad Hisyamuddin Bin Hashim (2022), cabaran yang terdapat pada Masjid Sultan Abu Bakar adalah media sosial. Antara peraturan yang ditetapkan oleh pihak masjid adalah pengunjung tidak dibenarkan memuat naik sebarang gambar ke media sosial. Hal ini supaya bangunan Masjid Sultan Abu Bakar ini dapat dilindungi daripada berlakunya sebarang kejadian di luar jangkaan. Hal ini menyebabkan ia menjadi antara cabaran yang mencabar kerana ianya berada di luar kuasa dan pengetahuan kami. Peraturan ini ditubuhkan untuk bertujuan menjaga imej masjid sebagai institusi yang berkait rapat dengan Kesultanan Islam Johor.

4.4.1 Analisis tahap pengetahuan masyarakat berkaitan dengan Masjid Sultan Abu Bakar dalam sektor pelancongan warisan.

4.4.1.1 Demografi responden

1. Jantina  
154 responses



Rajah 4.32: Demografi mengikut jantina  
(Sumber: Borang soal selidik, 2023)


Jantina	Bilangan	Peratus(%)
Lelaki	113	73.4
Perempuan	41	26.6
<b>Jumlah</b>	<b>154</b>	<b>100</b>

Jadual 4.2 :Taburan responden berdasarkan jantina

Hasil daripada dapatan borang soal selidik ini, didapati responden ini terdiri daripada 113 orang (73.4%) daripada jantina lelaki manakala seramai 41 orang (26.6%) daripada jantina

perempuan. Hal ini kerana kaum lelaki yang kebanyakannya pergi ke masjid untuk menunaikan solat berbanding kaum perempuan.

2. Umur  
154 responses



Rajah 4.33: Demografi mengikut umur

(Sumber: Borang soal selidik, 2023)


Umur	Bilangan	Peratus(%)
<b>19 tahun ke bawah</b>	15	9.7
<b>20 hingga 39 tahun ke bawah</b>	90	58.4
<b>40 hingga 59 tahun</b>	49	31.8
<b>60 tahun ke atas</b>	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>154</b>	<b>100</b>

Jadual 4.3 :Taburan responden berdasarkan umur.

Terdapat seramai 90 orang (58.4%) yang berumur dari 20 hingga 39 tahun. Hal ini berkemungkinan golongan ini berkemungkinan singgah di Masjid yang berdekatan dengan tempat kerja mereka. Dalam masa yang sama, golongan ini lebih mudah untuk pergi ke

masjid dengan menggunakan kenderaan sendiri dan juga lebih peka dalam menggunakan teknologi pada masa kini. Manakala bagi golongan umur 40 hingga 59 tahun, terdapat seramai 49 orang (31.8%) responden kerana golongan ini kurang peka terhadap penggunaan teknologi. Jumlah golongan umur yang paling sedikit adalah dari umur 19 tahun ke bawah iaitu seramai 15 orang (9.7%) kerana mereka merupakan pelajar sekolah yang kurang mengunjung masjid ini. Pada golongan yang berumur 60 tahun ke atas, tiada sebarang responden dalam kajian penyelidikan ini. Hal ini kerana golongan ini dikategorikan sebagai golongan tua yang berkemungkinan mempunyai masalah penglihatan mata serta buta akan teknologi.

3. Bangsa  
154 responses



Rajah 4.34: Demografi mengikut bangsa

(Sumber: Borang soal selidik, 2023)


Bangsa	Bilangan	Peratus(%)
Melayu	143	92.9
Cina	5	3.2
India	6	3.9
<b>Jumlah</b>	<b>154</b>	<b>100</b>

Jadual 4.4 :Taburan responden berdasarkan bangsa.

Daripada keseluruhan responden yang didapati ini, majoriti responden adalah daripada bangsa Melayu iaitu seramai 143 orang (92.9%). Hal ini kerana masyarakat Melayu kebanyakannya datang ke masjid ini adalah dengan satu tujuan sahaja iaitu untuk menunaikan solat. Selain itu, seramai 6 orang (3.9%) responden daripada bangsa India dan seramai 5 orang (3.2%) yang merupakan bangsa Cina. Hal ini kerana mereka hanya berkunjung ke masjid tersebut untuk tujuan sebagai destinasi pelancongan sahaja.

4.4.1.2 Pengetahuan mengenai Masjid Sultan Abu Bakar, Johor Bahru

1. Pernahkah anda mengunjungi Masjid Sultan Abu Bakar, Johor Bahru?  
154 responses



Rajah 4.35: Kunjungan ke Masjid Sultan Abu Bakar

(Sumber: Borang soal selidik, 2023)


Kunjungan ke Masjid Sultan Abu Bakar	Bilangan	Peratus(%)
Ya	136	88.3

<b>Tidak</b>	18	11.7
<b>Jumlah</b>	154	100

Jadual 4.5 :Taburan responden berdasarkan kunjungan ke Masjid Sultan Abu Bakar

Hasil kajian ini menunjukkan data mengenai pengetahuan, ‘pernahkah anda mengunjungi Masjid Sultan Abu Bakar, Johor Bahru?’. Berdasarkan data yang diperoleh, majoriti responden menjawab ‘ya’ dengan jumlah seramai 136 orang (88.3%) manakala seramai 18 orang (11.7%) sahaja yang menjawab ‘tidak’. Hal ini berkemungkinan responden yang tidak pernah berkunjung ini mempunyai masa yang terhad oleh kerana mereka sibuk dalam pekerjaannya.

2. Dari manakah anda mengetahui mengenai kewujudan Masjid Sultan Abu Bakar ini?  
154 responses



Rajah 4.36: Pengetahuan mengenai kewujudan Masjid Sultan Abu Bakar  
(Sumber: Borang soal selidik, 2023)


<b>Pengetahuan mengenai kewujudan Masjid Sultan Abu Bakar</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus(%)</b>

<b>Media sosial</b>	29	18.8
<b>Media cetak</b>	0	0
<b>Keluarga</b>	16	10.4
<b>Rakan-rakan</b>	109	70.8
<b>Jumlah</b>	154	100

Jadual 4.6 :Taburan responden berdasarkan pengetahuan mengenai kewujudan Masjid Sultan Abu Bakar

Hasil kajian data responden ini menunjukkan pengetahuan mengenai kewujudan Masjid Sultan Abu Bakar, Johor Bahru. Seramai 109 orang (70.8%) yang memberikan jawapan ‘rakan-rakan’ iaitu dalam mengetahui kewujudan Masjid Sultan Abu Bakar ini. Selain itu, jumlah pengetahuan secara media sosial mengenai kewujudan Masjid Sultan Abu Bakar ini berada dalam kedudukan kedua paling banyak iaitu seramai 29 orang (18.8%). Seramai 16 orang (10.4%) yang menjawab ‘keluarga’ manakala melalui media cetak, tiada sebarang responden yang didapati dalam pengetahuan mengenai kewujudan Masjid Sultan Abu Bakar ini. Hal ini menunjukkan pengaruh rakan-rakan amat memainkan peranan yang penting dalam kehidupan sesebuah masyarakat.

3. Adakah Masjid Sultan Abu Bakar ini penting dalam sektor pelancongan warisan?  
154 responses



Rajah 4.37: Kepentingan Masjid Sultan Abu Bakar dalam sektor pelancongan warisan  
(Sumber: Borang soal selidik, 2023)

<b>Kepentingan Masjid Sultan Abu Bakar dalam sektor pelancongan warisan</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus(%)</b>
<b>Ya</b>	154	100
<b>Tidak</b>	0	0
<b>Jumlah</b>	154	100


Jadual 4.7 :Taburan responden berdasarkan kepentingan Masjid Sultan Abu Bakar dalam sektor pelancongan warisan

Hasil pengetahuan data terhadap kepentingan Masjid Sultan Abu Bakar dalam sektor pelancongan warisan menunjukkan kesemua responden iaitu seramai 154 orang (100%) menjawab ‘ya’. Manakala bagi responden yang menjawab ‘tidak’, tiada sebarang responden yang didapati. Hal ini menunjukkan kesemua masyarakat bersetuju bahawa Masjid Sultan Abu Bakar ini amat penting dalam sektor pelancongan warisan.



4.4.1.3 Pandangan berkenaan isu dan cabaran Masjid Sultan Abu Bakar dalam sektor pelancongan warisan

1. Masyarakat yang bukan beragama islam boleh berkunjung ke Masjid Sultan Abu Bakar dengan hanya melihat pada luar bangunan sahaja tanpa me...an solat bagi menjaga kesucian masjid tersebut.  
154 responses



Rajah 4.38: Isu masyarakat yang bukan beragama islam berkunjung ke Masjid Sultan Abu Bakar dengan hanya melihat pada luar bangunan sahaja tanpa memasuki bahagian ruangan solat bagi menjaga kesucian masjid tersebut.

(Sumber: Borang soal selidik, 2023)

<b>Masyarakat yang bukan beragama islam berkunjung ke Masjid Sultan Abu Bakar dengan hanya melihat pada luar bangunan sahaja tanpa memasuki bahagian ruangan solat bagi menjaga kesucian masjid tersebut.</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus(%)</b>
<b>1- Sangat tidak setuju</b>	8	5.2
<b>2- Tidak setuju</b>	2	1.3
<b>3- Sederhana</b>	90	58.4
<b>4- Setuju</b>	44	28.6


<b>5- Sangat setuju</b>	10	6.5
<b>Jumlah</b>	<b>154</b>	<b>100</b>

Jadual 4.8 :Taburan responden berdasarkan isu masyarakat yang bukan beragama islam berkunjung ke Masjid Sultan Abu Bakar dengan hanya melihat pada luar bangunan sahaja tanpa memasuki bahagian ruangan solat bagi menjaga kesucian masjid tersebut.

Hasil kajian ini menunjukkan data berdasarkan isu masyarakat yang bukan beragama islam berkunjung ke Masjid Sultan Abu Bakar dengan hanya melihat pada luar bangunan sahaja tanpa memasuki bahagian ruangan solat bagi menjaga kesucian masjid tersebut. Berdasarkan bilangan responden yang paling ramai dijawab adalah 'sederhana' iaitu seramai 90 orang (58.4%). Hal ini disebabkan mereka tidak mempunyai kepastian yang kukuh berkenaan dengan masyarakat bukan beragama islam memasuki ruangan solat Masjid Sultan Abu Bakar tersebut. Bilangan responden kedua yang paling banyak adalah bagi jawapan 'setuju' iaitu seramai 44 orang (28.6%) manakala bagi jawapan 'sangat setuju', seramai 10 orang (6.5%). Responden yang bersetuju akan kenyataan ini berkemungkinan untuk menjaga kesucian Masjid Sultan Abu Bakar daripada terdapatnya sebarang perkara yang bertentangan dengan agama islam. Bagi jawapan 'sangat tidak setuju', seramai 8 orang (5.2%) responden manakala responden yang paling sedikit adalah menjawab 'tidak setuju' iaitu seramai 2 orang (1.3%). Bilangan jumlah yang paling sedikit ini berkemungkinan daripada responden yang bukan beragama islam kerana mereka ingin melihat rekaan bahagian dalaman Masjid Sultan Abu Bakar yang mempunyai kaitan dengan 'Klasik-Eropa'.

2. Kerja membaikpulih dan pengubahsuaian yang dilakukan pada bahagian masjid tersebut dapat menjejaskan aktiviti beribadat serta pelancongan.

154 responses



Rajah 4.39: Kerja membaikpulih dan pengubahsuaian yang dilakukan pada bahagian masjid tersebut dapat menjejaskan aktiviti beribadat serta pelancongan.

(Sumber: Borang soal selidik, 2023)


<b>Kerja membaikpulih dan pengubahsuaian yang dilakukan pada bahagian masjid tersebut dapat menjejaskan aktiviti beribadat serta pelancongan.</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus(%)</b>
<b>1- Sangat tidak setuju</b>	4	2.6
<b>2- Tidak setuju</b>	6	3.9
<b>3- Sederhana</b>	118	76.6
<b>4- Setuju</b>	20	13
<b>5- Sangat setuju</b>	6	3.9
<b>Jumlah</b>	<b>154</b>	<b>100</b>

Jadual 4.9 :Taburan responden berdasarkan kerja membaikpulih dan pengubahsuaian yang dilakukan pada bahagian masjid tersebut dapat menjejaskan aktiviti beribadat serta pelancongan.

Hasil kajian menunjukkan data bagi kerja membaikpulih dan pengubahsuaian yang dilakukan pada bahagian masjid tersebut dapat menjejaskan aktiviti beribadat serta pelancongan. Majoriti responden menjawab 'sederhana' iaitu seramai 118 orang (76.6%) kerana mereka berpendapat kerja membaikpulih serta pengubahsuaian ini mungkin akan menjejaskan dan tidak menjejaskan bahagian Masjid Sultan Abu Bakar bergantung pada cara pengendaliannya. Pada jawapan 'setuju', seramai 20 orang (13%) responden manakala bagi jawapan 'sangat setuju', ia mengalami kemerosotan dengan seramai 6 orang (3.9%) responden sahaja. Hal ini demikian kerana pihak Masjid Sultan Abu Bakar akan menutup masjid tersebut dalam jangka masa yang ditetapkan bagi memberi laluan kepada sebarang kerja membaikpulih serta pengubahsuaian yang dilakukan. Seramai 4 orang (2.6%) responden yang memberikan jawapan 'sangat tidak setuju' manakala seramai 6 orang (3.9%) responden yang memberikan jawapan 'tidak setuju'. Kemungkinan responden yang memilih jawapan 'sangat tidak setuju' dan 'tidak setuju' ini memikirkan ke arah yang lebih positif apabila Masjid Sultan Abu Bakar tersebut telah siap dibaikpulih, ia akan meningkatkan sektor pelancongan serta memberikan keselesaan kepada aktiviti keagamaan yang berlangsung pada masjid tersebut.

3. Menjalankan rawatan membaikpulih secara rawak pada bangunan masjid tersebut akan menjejaskan kepentingan sejarah serta senibinanya yang unik.

154 responses



Rajah 4.40: Menjalankan rawatan membaikpulih secara rawak pada bangunan masjid tersebut akan menjejaskan kepentingan sejarah serta senibinanya yang unik.

(Sumber: Borang soal selidik, 2023)


<b>Menjalankan rawatan membaikpulih secara rawak pada bangunan masjid tersebut akan menjejaskan kepentingan sejarah serta senibinanya yang unik.</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus(%)</b>
<b>1- Sangat tidak setuju</b>	0	0
<b>2- Tidak setuju</b>	0	0
<b>3- Sederhana</b>	3	1.9
<b>4- Setuju</b>	77	50
<b>5- Sangat setuju</b>	74	48.1
<b>Jumlah</b>	<b>154</b>	<b>100</b>

Jadual 4.10 :Taburan responden berdasarkan menjalankan rawatan membaikpulih secara rawak pada bangunan masjid tersebut akan menjejaskan kepentingan sejarah serta senibinanya yang unik.

Hasil kajian menunjukkan data mengenai rawatan membaikpulih secara rawak pada bangunan masjid tersebut akan menjejaskan kepentingan sejarah serta senibinanya yang unik. Kebanyakan responden memilih untuk memberikan jawapan 'setuju' iaitu seramai 77 orang (50%) manakala seramai 74 orang (48.1%) yang memberikan jawapan 'sangat setuju'. Hal ini menunjukkan masyarakat bersetuju bahawa jika rawatan membaik pulih dilakukan secara rawak, nilai yang terdapat pada bangunan masjid tersebut akan dapat mengganggu nilai keasliannya dalam jangka masa yang lama. Terdapat seramai 3 orang (1.9%) responden yang

memberikan jawapan ‘sederhana’ kerana mereka menganggap ia mungkin tidak menjejaskan atau akan menjejaskan nilai kepentingan sejarah dan senibinanya. Pada bahagian jawapan ‘sangat tidak setuju’ dan ‘tidak setuju’, tiada sebarang responden yang memberikan jawapan. Hal ini menunjukkan kesemua responden memberikan pandangan yang sesuai bagi menjalankan rawatan serta penjagaan yang baik ke atas bangunan Masjid Sultan Abu Bakar.

4. Pengawasan yang kerap perlu dilakukan ke atas Masjid Sultan Abu Bakar supaya pelancong serta pelawat tidak membuat sebarang kerosakan pada bangunan tersebut.  
154 responses



Rajah 4.41: Pengawasan yang kerap perlu dilakukan ke atas Masjid Sultan Abu Bakar supaya pelancong serta pelawat tidak membuat sebarang kerosakan pada bangunan tersebut.

(Sumber: Borang soal selidik, 2023)

<b>Pengawasan yang kerap perlu dilakukan ke atas Masjid Sultan Abu Bakar supaya pelancong serta pelawat tidak membuat sebarang kerosakan pada bangunan tersebut.</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus(%)</b>
<b>1- Sangat tidak setuju</b>	0	0
<b>2- Tidak setuju</b>	0	0
<b>3- Sederhana</b>	80	51.9

<b>4- Setuju</b>	45	29.2
<b>5- Sangat setuju</b>	29	18.8
<b>Jumlah</b>	<b>154</b>	<b>100</b>


Jadual 4.11 :Taburan responden berdasarkan pengawasan yang kerap perlu dilakukan ke atas Masjid Sultan Abu Bakar supaya pelancong serta pelawat tidak membuat sebarang kerosakan pada bangunan tersebut.

Hasil kajian menunjukkan data mengenai pengawasan yang kerap perlu dilakukan ke atas Masjid Sultan Abu Bakar supaya pelancong serta pelawat tidak membuat sebarang kerosakan pada bangunan tersebut. Kebanyakan responden memberikan jawapan ‘sederhana’ iaitu seramai 80 orang (51.9). Hal ini kerana terdapat beberapa responden yang bersetuju bahawa jika tiada dan ada pengawasan yang kerap dilakukan ke atas Masjid Sultan Abu Bakar, ia tidak akan mempengaruhi sebarang kerosakan pada bangunan tersebut. Terdapat seramai 45 orang (29.2%) yang memberikan jawapan ‘setuju’ manakala seramai 29 orang (18.8%) yang memberikan jawapan ‘sangat setuju’. Bagi jawapan ‘sangat tidak setuju’ dan ‘tidak setuju’, tiada sebarang responden yang diterima. Hasil responden ini menunjukkan keseluruhan responden memberikan pandangan yang positif terhadap pengawasan di Masjid Sultan Abu Bakar, Johor Bahru.

MALAYSIA  
KELANTAN

5. Kedatangan pelancong dan pelawat yang ramai dapat menjejaskan keadaan semasa bangunan Masjid Sultan Abu Bakar.

154 responses



Rajah 4.42: Kedatangan pelancong dan pelawat yang ramai dapat menjejaskan keadaan semasa bangunan Masjid Sultan Abu Bakar.

(Sumber: Borang soal selidik, 2023)

<b>Kedatangan pelancong dan pelawat yang ramai dapat menjejaskan keadaan semasa bangunan Masjid Sultan Abu Bakar.</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus(%)</b>
<b>6- Sangat tidak setuju</b>	7	4.5
<b>7- Tidak setuju</b>	11	7.1
<b>8- Sederhana</b>	44	28.6
<b>9- Setuju</b>	7	4.5
<b>10- Sangat setuju</b>	85	55.2
<b>Jumlah</b>	<b>154</b>	<b>100</b>

Jadual 4.12 :Taburan responden berdasarkan kedatangan pelancong dan pelawat yang ramai dapat menjejaskan keadaan semasa bangunan Masjid Sultan Abu Bakar.



Hasil kajian menunjukkan data mengenai kedatangan pelancong dan pelawat yang ramai dapat menjejaskan keadaan semasa bangunan Masjid Sultan Abu Bakar. Kebanyakan responden memberikan jawapan ‘sangat setuju’ iaitu seramai 85 orang (55.2%) kerana kedatangan pelancong yang ramai merupakan antara penyebab sesebuah bangunan tersebut menjadi rosak. Manakala responden bagi jawapan ‘sederhana’ merupakan jumlah kedua terbanyak iaitu seramai 44 orang (28.6%). Bagi jawapan ‘tidak setuju’ seramai 11 orang (7.1%) yang menjawab. Hal ini berkemungkinan kerana mereka menganggap terdapat banyak cabaran lain yang akan menyebabkan bangunan Masjid Sultan Abu Bakar terjejas selain kedatangan pelancong. Responden yang menjawab ‘setuju’ dan ‘sangat tidak setuju’ memberikan jumlah responden yang sama iaitu seramai 7 orang (4.5%). Ini menunjukkan setiap responden mempunyai pendapat yang berlainan

## BAB 5

### PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

#### 5.0 Pengenalan

Pada bahagian bab 5 ini, penyelidik akan memberikan sedikit-sebanyak gambaran secara menyeluruh dan ringkas mengenai kajian yang dijalankan ini. Ketiga-tiga hasil dapatan daripada analisis kajian ini juga akan dilakukan kesimpulan daripada maklumat yang diperoleh ini. Hal ini kerana dapatan maklumat yang diperoleh ini menjadi ukuran terhadap perbincangan kajian dalam menyiapkan projek penyelidikan ini. Penyelidik juga akan menyatakan beberapa cadangan yang relevan supaya dapat memberikan maklumat yang berguna dan memudahkan penyelidik akan datang untuk melakukan kajian berkenaan dengan Masjid Sultan Abu Bakar di Johor Bahru, Johor. Kajian projek penyelidikan ini sememangnya sedikit sebanyak mampu membantu penyelidik akan datang mendapatkan maklumat yang diperlukan kelak. Sejujurnya, dalam memartabatkan Masjid Sultan Abu Bakar ini, usaha daripada semua pihak perlu dititikberatkan supaya ia selari dengan matlamat penyelidik agar tidak bertentangan dengan keuntungan komersial semata-mata.

## 5.1 Perbincangan Dapatan Kajian

Pada bahagian ini, penyelidik akan merumuskan dapatan yang terdapat pada kajian berdasarkan tajuk kajian iaitu Kajian Berkaitan Potensi Dan Cabaran Masjid Sultan Abu Bakar Di Johor Bahru, Johor Dalam Sektor Pelancongan Warisan. Segala perbincangan mengenai dapatan kajian ini dijalankan berdasarkan ketiga-tiga objektif kajian yang telah di analisis secara terperinci dalam penulisan bab empat sebelum ini.

Berdasarkan hasil kajian pada objektif pertama, pengkaji dapat merangkumi dengan lebih terperinci berkaitan nilai warisan yang terdapat di Masjid Sultan Abu Bakar, Johor Bahru ini setelah kajian dijalankan. Daripada kajian penyelidikan ini, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa Masjid Sultan Abu Bakar merupakan bangunan warisan ketara oleh kerana masjid tersebut telah berusia lebih daripada 100 tahun. Masjid ini mempunyai keunikannya yang tersendiri seperti pengaruh sejarah dan senibina kolonial Klasik-Eropah daripada campuran pengaruh asing dan juga tempatan yang dapat dilihat pada bahagian luaran serta dalaman masjid. Masjid Sultan Abu Bakar ini juga mempunyai dekorasi elemen daripada seni era klasikal Roman dan Victoria. Walaupun bangunan masjid ini dibina pada abad ke-18, ia masih lagi berdiri teguh di atas Bukit Reden tanpa berlakunya sebarang perubahan senibina meskipun terdapat pengubahsuaian yang dilakukan ke atas bangunan tersebut. Pembinaan masjid ini juga merupakan antara masjid yang pertama ditintahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Almarhum Sultan Abu Bakar (Seri Maharaja) Ibni Almarhum Raja Temenggung Tun Ibrahim untuk dibina di daerah Johor Bahru.

Bagi objektif yang kedua iaitu potensi Masjid Sultan Abu Bakar dalam sektor pelancongan warisan, terdapat beberapa perkara yang dirumuskan. Dari segi pemerhatian, Masjid Sultan Abu Bakar dilihat mempunyai beberapa potensi dalam sektor pelancongan warisan. Pengkaji menyimpulkan gaya seni bina Klasik-Eropah yang terdapat pada masjid ini

dilihat dari segi elemen bangunan seperti bahagian bawah, tengah, dan atas. Setiap elemen ini menggunakan unsur-unsur Eropah, Mesir, dan India yang membuatkan seni bina masjid ini lain daripada masjid yang terdapat di sekitar daerah Johor Bahru. Terdapat juga pembaharuan yang dilakukan dari segi warna bangunan masjid daripada warna putih kepada warna kuning. Sektor pelancongan akan terus ditingkatkan pada bangunan Masjid Sultan Abu Bakar ini kerana terdapat pelbagai warisan yang dijaga dan dipelihara dalam jangka masa yang lama.

Bagi objektif yang ketiga iaitu isu dan cabaran di dalam menjadikan Masjid Sultan Abu Bakar di Johor Bahru dalam sektor pelancongan warisan, terdapat beberapa perkara yang dirumuskan. Daripada hasil temu bual, pengkaji mendapati terdapat isu komunikasi, isu pemakaian, dan juga cabaran media sosial terhadap sektor pelancongan warisan. Hal ini kerana kedatangan pelancong yang ramai dapat menyebabkan timbulnya beberapa masalah yang sukar dikawal oleh pihak masjid tersebut. Melalui borang soal selidik, pengkaji mendapati terdapat seramai 154 responden yang telah menjawab soal selidik. Kesemua responden ini tergolong daripada lelaki dan perempuan yang tinggal di Johor. Terdapat 5 soalan yang disediakan pengkaji bagi menjawab isu dan cabaran masjid terhadap sektor pelancongan warisan. Antara soalan yang dinyatakan adalah masyarakat yang bukan beragama islam berkunjung ke Masjid Sultan Abu Bakar dengan hanya melihat pada luar bangunan sahaja tanpa memasuki bahagian ruangan solat bagi menjaga kesucian masjid, kerja membaikpulih dan pengubahsuaian yang dilakukan pada bahagian masjid tersebut dapat menjejaskan aktiviti beribadat serta pelancongan, menjalankan rawatan serta penjagaan yang baik pada bangunan masjid tersebut akan dapat mengekalkan kepentingan sejarah serta senibinanya yang unik, pengawasan yang kerap perlu dilakukan ke atas Masjid Sultan Abu Bakar supaya pelancong serta pelawat tidak membuat sebarang kerosakan pada bangunan tersebut, dan kedatangan pelancong dan pelawat yang ramai dapat menjejaskan keadaan semasa bangunan Masjid Sultan Abu Bakar. Daripada hasil kajian ini, didapati masyarakat

memberikan pandangan yang positif terhadap isu dan cabaran terhadap sektor pelancongan warisan walaupun terdapat sesetengah masyarakat yang berfikiran negatif. Hal ini bermakna setiap masyarakat mempunyai pandangan dan pendapat yang berbeza dalam pengetahuan masing-masing.

Secara kesimpulannya, pengkaji telah melakukan sebaik mungkin dalam mendapatkan hasil kajian ini walaupun terdapat beberapa rintangan yang perlu ditempuhi. Segala kaedah dan metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji terhadap kajian berkaitan potensi dan cabaran Masjid Sultan Abu Bakar di Johor Bahru, Johor dalam sektor pelancongan warisan adalah sangat berkesan dan berhasil. Kaedah temubual dan juga borang soal selidik ini sememangnya membantu pengkaji dalam mendapatkan segala maklumat yang diperlukan.

## 5.2 Cadangan Dapatan Kajian

Melalui kajian penyelidikan yang berkaitan Masjid Sultan Abu Bakar di Johor Bahru, pengkaji mendapati penyelidikan berkaitan dengan masjid warisan ini tidak khusus kepada isu dan cabaran berkaitan dengan pelancongan warisan amat kurang dilakukan. Hal ini menyebabkan pengkaji sukar memperoleh maklumat berkaitan kajian ini. Masjid Sultan Abu Bakar ini merupakan antara masjid yang mempunyai pelbagai keunikan yang harus dipelihara dan dijaga dalam jangka masa yang lama. Oleh itu, terdapat beberapa cadangan yang akan dikemukakan oleh pengkaji supaya sektor pelancongan warisan Masjid Sultan Abu Bakar tetap terpelihara dan terjaga.

### 5.2.1 Menyediakan pakej pelancongan masjid terhadap pelawat dan pelancong

Pihak masjid dan pihak berwajib perlulah mengambil inisiatif yang lebih mendalam supaya dapat meningkatkan sektor pelancongan warisan masjid. Dalam menyediakan pakej pelancongan ini, pihak masjid perlu mengadakan beberapa slot dalam pakej yang disediakan supaya pelawat dan pelancong dapat mengetahui dan melihat dengan lebih mendalam berkaitan keunikan, senibina serta sejarah masjid ini. Contohnya, slot yang disediakan hanya dilakukan 3 kali dalam seminggu bagi memberikan laluan keagamaan di masjid tersebut. Walaupun masjid ini tidak boleh dimasuki sesuka hati selain tujuan solat, pelawat serta pelancong dapat melihat keindahan dalaman masjid ini dengan adanya pakej pelancongan yang disediakan oleh Masjid Sultan Abu Bakar ini. Ianya secara tidak langsung dapat memberikan kefahaman sebenar tentang islam kepada

masyarakat. Sebarang kerosakan yang tidak diingini seperti vandalism juga dapat dielakkan secara tidak langsung.

### 5.2.2 Menyediakan pakaian khas bagi pelancong yang bukan beragama islam

Sebelum memasuki masjid yang merupakan tempat suci bagi orang islam, cara berpakaian seseorang tersebut perlulah dititik beratkan terlebih dahulu seperti menutup aurat. Hal ini supaya tempat keagamaan orang islam tidak tercemar dengan kehadiran pelancong yang tidak menutup aurat. Oleh itu, pihak masjid perlulah menyediakan pakaian khas seperti jubah dan selendang bagi mengelakkan mereka memakai pakaian yang ketat dan terdedah. Pakaian khas tersebut akan diletakkan pada pintu utama masjid bagi memudahkan urusan pelancong yang datang. Dengan cara ini, orang bukan islam juga boleh memasuki masjid ini tanpa sebarang masalah. Hal ini juga secara tidak langsung dapat membuka mata masyarakat yang bukan beragama islam untuk memartabatkan Masjid Sultan Abu Bakar ini ke arah yang lebih baik.

### 5.2.3 Memperluaskan pengetahuan sektor pelancongan warisan kepada generasi muda.

Pada generasi masa kini, mereka kurang didedahkan dengan warisan pelancongan yang terdapat di negara ini. Hal ini kerana pengajaran mengenai bidang warisan hanya tertumpu kepada golongan yang mengambil bidang tersebut sahaja. Ramai yang berpendapat bahawa bidang warisan hanya tertumpu kepada sejarah, tetapi sebenarnya bidang warisan adalah sangat meluas dan ada perkaitan dengan pelancongan. Oleh itu,

bagi memperluaskan lagi bidang pengajaran warisan, platform media sosial dan media massa meminkan peranan dalam memperkenalkan kepada masyarakat. Contohnya dengan melakukan program ilmiah serta dokumentari yang menarik supaya dapat membuka minda masyarakat generasi muda masa kini. Dengan cara ini, ia dapat membantu dalam melahirkan penulis serta perintis yang baharu dalam kalangan generasi muda agar pengetahuan dalam bidang warisan ini tidak lapuk dek zaman.

### 5.3 Penutup

Secara menyeluruh, kajian yang dilakukan oleh pengkaji terhadap Masjid Sultan Abu bakar ini merupakan salah satu masjid yang mempunyai nilai warisan yang unik. Diharapkan melalui kajian yang dijalankan ini, ia dapat memberi pengetahuan serta pendedahan yang lebih mendalam kepada masyarakat terutamanya generasi muda berkaitan potensi dan cabaran masjid ini dalam sektor pelancongan warisan. Pengkaji juga berharap agar masyarakat dapat mengetahui dengan lebih jelas mengenai Masjid Sultan Abu Bakar ini. Oleh itu, segala maklumat terperinci yang dikaji oleh pengkaji ini diharapkan dapat memudahkan masyarakat dan para penyelidik yang lain memahami nilai warisan dengan lebih baik.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



## RUJUKAN

*50 Warisan Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Jabatan Warisan Negara

Akta Warisan Kebangsaan, 2005 (Akta 645)

Akta Harta Benda Purba, 1976 (Akta168)

A. Ghafar, A. (2004). Understanding Common Building Defects: The Dilapidation Survey Report, School of Housing, Building and Planning, USM, Malaysia. *Majalah Akitek*, 16, 19-21.

Azizul Azli Ahmad. (2015). Ruang Dalaman Masjid Melayu Traditional Semenanjung Malaysia. *Tesis Ph.D*, Universiti Malaya

Abdul Hafiz Abdullah, & Mohammad Haziq Mohd Isnin. (2020). Pendidikan Pondok Sebagai Institusi Pengajian Tafsir Al-Quran Di Negeri Johor. In Baharom Kassim, Mustaffa Abdullah, Abd. Karim Ali & Nor 'Azzah Kamri (Penyunting.), *Pembedayaan Jaringan Strategik Ummah Melakar Kecemerlangan Masa Hadapan*. Selangor: Persatuan Ulama Malaysia

A. Ghafar Ahmad. (2009). Treatment of rising damp and replastering at heritage buildings. Bengkel Bersiri 2009. *Konservasi Bangunan Warisan Siri 2: Leraan Kapur, 17-19 Julai 2009*. Dewan Pelancongan Negeri Perak, Ipoh

Abdullah. (2013). *Konstruksi dan Reproduksi Kebudayaan*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.

Ardika. (2012). *Pusaka Budaya dan Pariwisata*. Denpasar: Pustaka Larasan.

*Bangunan Warisan Malaysia*. 2013. Kuala Lumpur: Jabatan Warisan Negara

Cresswell. (1994). Kajian Kualitatif dan Kuantitatif. Dimuat turun dari

[https://www.scirp.org/\(S\(i43dyn45teexjx455qlt3d2q\)\)/reference/ReferencesPapers.aspx?ReferenceID=1834952](https://www.scirp.org/(S(i43dyn45teexjx455qlt3d2q))/reference/ReferencesPapers.aspx?ReferenceID=1834952)

- Denzin dan Lincoln. (1994). Handbook of qualitative research. Dimuat turun dari [https://www.scirp.org/\(S\(i43dyn45teexjx455qlt3d2q\)\)/reference/ReferencesPapers.aspx?ReferenceID=71333333514](https://www.scirp.org/(S(i43dyn45teexjx455qlt3d2q))/reference/ReferencesPapers.aspx?ReferenceID=71333333514)
- Goeldner CR, Ritchie JRB (2006) *Tourism: Principles, Practices, Philosophies*. (10thed.). John Wiley & Sons, Inc., Hoboken, New Jersey.
- Karim, K. M., & Sakdan, M. F. (2019). Peranan Sektor Awam dalam Pembangunan: Kajian di Pulau Pelancongan di Malaysia. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, 4(15), 57-65.
- M. Rasmawi. & M. Hilmi. (2021). Pembangunan Garis Panduan Pemuliharaan Masjid Warisan Negeri Pahang. *Latihan Ilmiah*. Universiti Malaysia Pahang.
- Mohd Rasmawi Bin Harun, M. H. (2021). PEMBANGUNAN GARIS PANDUAN PEMULIHARAAN MASJID LAMA NEGERI PAHANG. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 93-106.
- Mohd Taufik Dato' Haji Shamsudin. (2021) *Institusi Masjid Negeri Johor/Interviewer: Mohammad Haziq Mohd Isnin*. Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid Negeri Johor, Temu bual.
- Nik, S. & Noria, T. (2021). Transformasi Bangunan Warisan Bersejarah: Suatu Tunjauan Menyeluruh. *Malaysian Journal of Sciences and Humanities*, 6(7), 228.
- N. Najwa. & Daeng, H. (2021). Ragam Hias Masjid Warisan: Tinjauan Ke Atas Masjid Muhammadi, Kota Bharu Kelantan. *eJurnal Arkeologi Malaysia*. 34(2), 1-13.
- Naoko, S. & Mohd, B. S. (2019). Perbandingan Dasar Warisan Malaysia Dan Jepun Dalam Usaha Memulihara Khazanah Negara: Kajian Kes Di Warisan Dunia Melaka Dan

Lombong Preak Iwami Ginzan. *Jurnal of Social Sciences and Humanities*, Vol. 16, Article 1. Retrieved Jun 13, 2021, from <https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/viewFile/32533/9298>

Noor Fiteri Bin Abdullah. (2013). Masjid Mengendalikan Penginapan: Pilihan Alternatif Kepada Industri Pelancongan. *Terengganu International Tourism Conference 2013 (TITC2013)*. 1-8.

Nangkula Utaberta dan Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi. 2010. Deskripsi Tipologi, Klasifikasi Dan Analisis Perancangan Masjid Di Malaysia. *El-harakah*. Vol, 12. No. 3.

Othman, N. B. (2013). PEMELIHARAAN SENI BINA BANGUNAN-BANGUNAN BERSEJARAH KHUSUSNYA MASJID SULTAN IBRAHIM MUAR. *UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK*, 1-24.

Pustaka, D. B. (2008). *Kamus Bahasa Melayu*. Retrieved from Metodologi: <http://prpmv1.dbp.gov.my/Search.aspx?k=metodologi>

Ramli, D. A. (2012, febuari 19). *Kesultanan Johor*. Retrieved from Masjid Sultan Abu Bakar, Johor: <https://kesultananjohor.blogspot.com/2012/02/masjid-abu-bakar-johor.html>

Siti Nor Fatimah Zuraidi, Z. A. (2011). MASALAH DALAM PEMULIHARAAN BANGUNAN WARISAN DI MALAYSIA. *PERSIDANGAN KEBANGSAAN SAINS SOSIAL UNIMAS 2011: Pembangunan ke Arah Masa Depan yang Mapan*.

Solihah, M., et al. (2015). *Pengurusan bandar warisan UNESCO dan penglibatan komuniti tempatan: Kajian kes di George Town, Pulau pinang*. Retrieved Jun 13, 2021, from <https://www.ukm.my/geografia/images/upload/9.geografia-si-nov15-solihah-edam1.pdf>

Siti, N, F, Z., Zainal, A, A., & Mohammad, A, A, R. (2011). Masalah dalam pemuliharaan bangunan warisan di Malaysia. *Latihan Ilmiah*. Universiti Malaysia Sarawak.

Shuhana Shamsuddin, Ahmad Bashri Sulaiman & Rohayah Ceh Amat. 2012. Urban Landscape factors

Siti Rokyah Md Zain, et. al. (2016). Masjid Sebagai Produk Pelancongan? Satu Tinjauan. *Latihan Ilmiah*. UITM Kampus Dungun, Terengganu.

That Influenced the Character of George Town, Penang Unesco World Heritage Site. *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 50: 238-253

Wahad, Hamid & Norajila Che Man. (2016). Pemerksaan Peranan Masjid Di Malaysia Era Komtenprorari. *E-Academia Journal UiMtT* .5(2)II.

Zuliskandar Ramli et. al. (2015). Pelancongan Berasaskan Warisan Di Malaysia: Potensi Dan Cabaran . *Ekolegi, Habitat Manusia dan Perubahan Persekitaran (EHMAP 8)*, 8(1), 472-484.



Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
Faculty of Creative Technology and Heritage

RUJ. KAMI (Our Ref.) : UMK.A02.600-4/7/4 JILID 4 ( 21 )  
TARIKH (Date) : 27-SEPTEMBER 2022

Masjid Sultan Abu Bakar  
Jalan Certak Merah, Masjid Sultan Abu Bakar  
80000 Johor Bahru  
Johor

Tuan,

**MEMOHON KEBENARAN UNTUK PELAJAR UMK MENJALANKAN KAJIAN / PENYELIDIKAN /  
TEMURAMAH**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pelajar di bawah adalah merupakan pelajar dari Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang akan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah di organisasi tuan. Tujuan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah ini adalah bagi memenuhi keperluan kursus **Projek Penyelidikan II (CFT4134)**. Nama pelajar adalah seperti butiran berikut:

Bil.	Nama Pelajar	No Matrik	No. K/P	Program
1	Nur Syasya Nabilah Hanim Binti Mat Isa	C19A0582	990929035110	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Keujian


3. Sukacita sekiranya pelajar ini mendapat kerjasama daripada tuan.


Segala kerjasama tuan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"  
"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

  
**PROF. MADYA TS. DR. AHMAD AZAINI BIN ABDUL MANAF**  
Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar)



## MASJID SULTAN ABU BAKAR

**KEUNIKAN SENI BINA**

Masjid ini adalah hak milik kerajaan Negeri Johor dan di tadir oleh Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Pada perwujudannya, Masjid Sultan Abu Bakar hanyalah terdiri daripada sebuah blok bangunan yang simetri. Keunikan seni bina pada empat menara berasaskan reka bentuk Moorish dan teras dengan kebanyakan masjid lama Melayu.

Antara Masjid Bin Tuanku yang berinspirasi dari Samudra dibina pada zaman pemerintahan kerajaan Abbasiyah (mesopotamia) manakala bentuk menara Masjid Sultan Abu Bakar adalah mengikut bentuk bangunan dan binaan pada zaman kerajaan Mamluk awl lalu Qalwan (1250-1350) dan zaman Flankuk akhir iaitu bangunan masjid ini mempunyai persamaan dengan elemen seni era klasik Roman dan Victoria. Masjid ini telah bertahan lebih dari satu abad dan kekal sebagai warisan Johor. Seni bina Asia Barat. Pengal-pangkal tiang yang dukir indah tidak bezanya di beberapa buah masjid di Mesir seperti Masjid Kaaba Bay, Masjid Markouk, Masjid Adhar Sultan Zaman dan Masjid Imam Shaf'i.

**KHUTBAH PERTAMA SULTAN ISKANDAR**

Dengan keabsahan apahandary Duli Yang maha Mulia Sultan Ibrahim pada hari Ahad (10 Mei 1981 jam 6:12 petang) maka pada esoknya jam 4 petang (11 Mei 1981) Almarhum Sultan Iskandar dengan rasm diibytarkan sebagai Sultan Agong Besar Johor.

Dengan keabsahan apahandary Duli Yang maha Mulia Sultan Ibrahim pada hari Ahad (10 Mei 1981 jam 6:12 petang) maka pada esoknya jam 4 petang (11 Mei 1981) Almarhum Sultan Iskandar dengan rasm diibytarkan sebagai Sultan Agong Istana Besar Johor.

**IMAM MASJID SULTAN ABU BAKAR**

Selepas siap dibina sepenuhnya, masjid ini telah dirasmikan oleh Sultan Ibrahim bin Almarhum Sultan Abu Bakar pada 2 Februari 1900 bersamaan 1 Syawal 1317. Hasil peneraan sehingga kini tidak dapat dikawalpasti siapakah imam yang pertama ditantik menjadi Masjid Sultan Abu Bakar. Antara Imam yang berkhidmat sebagai Imam Masjid Sultan Abu Bakar ialah Allahyarham Dato' Inan Haji Mohd. Bin Mohd. Said (WZD16).

**AKTIVITI YANG DIALANKAN DI MASJID**

Jabatan Agama Islam Negeri Johor yang mempersembahkan korba berhaat di dalam perarakan Sambutan Maulid rasul pada 25 mac 1875.

DYYM Sultan Ibrahim mengesuai perarakan Maulid Rasul bersama-sama rakyat jelata di Muar pada 5 Februari 2012.

## SEJARAH AWAL PEMBINAAN

Masjid Negeri Sultan Abu Bakar sangat terkenal dengan seni binanya yang menarik dan merupakan salah satu bangunan yang tertua di Johor. Ianya terletak di tepi Pantai Lido, kira-kira satu kilometer dari Selat Tebrau yang tersergam indah di atas Bukit Reden. Walaupun telah berusia melebihi 100 tahun, namun bentuk seni binanya tetap utuh dan teguh sehingga kini serta menjadi daya tarikan pelancong kerana keunikan seni binanya. Sempena mengambil nama Duli Yang Maha Mulia Almarhum Sultan Abu Bakar (Seri Maharaja) Ibi Almarhum Raja Temenggung Tun Ibrahim.

- 26 Julai 1891, Selasa (1 Muharam 1310 Hijrah) ➤ Tuanku telah meniatkan pembinaan Masjid dan meletakkan batu asas di tapak pembinaan
- Awal Tahun 1892 ➤ Pembinaan bermula dan mengambil masa 8 tahun
- 4 Jun 1895, Selasa ➤ Sultan Abu Bakar mangkat di London dan Yang Amat Mulia Tuanku Ibrahim telah di Mahkotakan sebagai Sultan Johor
- Awal Tahun 1900 ➤ Masjid Sultan Abu Bakar siap sepenuhnya dan dirasmikan oleh Almarhum Sultan Ibrahim Ibi Sultan Abu Bakar. Dihadiri oleh Menteri Besar Johor Dato Jaafar Bin Haji Mohamed
- 2 Februari 1900, Jumaat (1 Syawal 1317 Hijrah) ➤ Masjid telah digunakan untuk solat Jumaat

Sebuah penyodok perak bertangki gading dibincal binatang dan bulan sabit digunakan meraikan upacara meletak batu asas Masjid Sultan Abu Bakar oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar pada 1310 Hijrah. Berukiran Jawi. Dianggap asal daripada Great Britain sekitar tahun 1892 dengan ukuran panjang 28.5cm

## REKA BENTUK MASJID SULTAN ABU BAKAR

**Arkitek :** Tuan Haji Mohamad Arif Bin Haji Punak (Haji Tweek)

**Jurutera :** YB Dato' Yahya Bin Awaluddin

Reka bentuk binaan yang menghubungkan antara Masjid dengan Balai Hajag.

Utk reka bentuk menara yang unik dan teguh sehingga kekal berda di tengah-tengah binaan.

Stuar tepi di luar rangan selat utama.

Minar ini menghidupkan daya dari pada Tala' Wujud yang berkesan dan dapat memberi kesan kepada keindahan dan keagungan masjid.

Utk rasmian Arab yang utuh dan dihidup pada tahun 1310/1892.

Ruang dalam Masjid tinggi, terang dan tenteram.

Pendirian ini Masjid yang menghidupkan Pantai Lido.

Jam anak yang tinggi unik. Tala' rasmian yang berkesan dan dihidupkan.

Lukisan stukk mada di pintu binaan yang berkesan dan dihidupkan.

Keratan buku yang diperoleh daripada tempat kajian pengkaji.